KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# PENDIDIKAN MUZIK

TINGKATAN 4

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
KSSM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# RUKUN NEGARA

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**
mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

# PENDIDIKAN MUZIK

TINGKATAN 4


**PENULIS**
MUHAMMAD SYARAFF ALWI
WAN MAZNI W.A.H

**EDITOR**
NABILAH ABDUL RAZAK

**PEREKA BENTUK**
SITI FARAH HANI SAMION



aras mega (m) sdn bhd
(164242-W)

2019

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No Siri Buku : 0099

KPM2019 ISBN 978-967-2212-51-5

Cetakan Pertama 2019
© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.
Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (164242-W)
No 18, Jalan Damai 2,
Taman Desa Damai, Sungai Merab,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon: 03-8925 8975
No. Faksimile: 03-8925 8985
Laman Web: www.arasmega.com

Reka Letak dan Atur Huruf:
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
Muka Taip Teks: Myriad pro
Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:
Mudah Urus Enterprise
No 143, Jalan KIP 8,
Taman Perindustrian KIP,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-62734337
No. Faksimile: 03-62735337

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat.

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Kawalan Mutu, Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
- Semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

# KANDUNGAN

*Pendahuluan* v
*Penerangan Ikon* vi
*Topik Pembelajaran* 1

UNIT 1 GENERASIKU

- Ensembel Nyanyian 4
- Lagu Kamilah Generasi 6
- Permainan Gitar Secara Ensembel 8
- Penggunaan Tab Gitar 9
- Angklung 13
- Not dan Tanda Rehat 16
- Perkara Asas dalam Penciptaan Melodi 20
- Penilaian 23

UNIT 2 MALAYSIA KEBANGGAANKU

- Bernyanyi dengan Dinamik yang Betul 28
- Lagu Sumpah Perajurit 30
- Kenali Kord Primer dalam Nada D Major 32
- Meter 37
- Pengumpulan Not dan Tanda Rehat Meter $\frac{6}{8}$ 40
- Penciptaan Melodi dalam Meter $\frac{3}{4}$ 42
- Penilaian 43

UNIT 3 EKSPLORASI DUNIA

- Bernyanyi dengan Teknik Pernafasan yang Betul 48
- Lagu Satelit Inspirasi 50
- Kenali Kord Primer dalam Nada B♭ Major 52
- Ensembel Pi Phat 56
- Terminologi Muzik 59
- Olahan Idea dalam Komposisi 62
- Penilaian 63

## UNIT 4 MELAKAR KEJAYAAN

- Bernyanyi dengan Artikulasi yang Betul 68
- Lagu Masa 70
- Kenali Kord Primer dalam Nada B Minor 72
- Permainan Gitar 74
- Klef Bes 76
- Penciptaan Melodi Berasaskan Pergerakan Kord 78
- Penilaian 80

## UNIT 5 TEKNOLOGI MENYATUPADUKAN

- Bernyanyi dengan Tempo yang Betul 86
- Lagu Informasi di Hujung Jari 88
- Kenali Kord Primer dalam Nada G Minor 90
- Skel Major dan Skel Minor 95
- Aktiviti Penciptaan Variasi Melodi Berasaskan Pergerakan Kord 99
- Penilaian 100

## UNIT 6 DIMENSI BUDAYA

- Etika Persembahan dan Nilai Murni dalam Persembahan Nyanyian 104
- Lagu Inang Sumazau 106
- Teknik Bermain Gitar 108
- Ensembel Kulintang 113
- Kord Primer 115
- Penghasilan Melodi Berdasarkan Improvisasi 118
- Penilaian 120

## UNIT 7 GAPAI IMPIANMU

- Pengetahuan dan Kemahiran dalam Nyanyian 124
- Lagu Terbanglah 126
- Permainan Ensembel Gitar 128
- Kenal Pasti Kord Major dan Kord Minor 132
- Berkarya Secara Kreatif 134
- Penilaian 136

*Penilaian Akhir* 138
*Glosari* 145
*Rujukan* 146




# PENDAHULUAN

Pendidikan Muzik merupakan mata pelajaran yang mampu memperkembangkan aspek intelek dan emosi murid. Pengalaman yang diperoleh melalui pembelajaran ini membolehkan murid membuat eksplorasi, persepsi dan berkomunikasi menerusi muzik. Menerusi kurikulum ini juga, mempertingkatkan literasi murid terhadap muzik, mempelajari konvensi penulisan muzik, menilai dan menghayati muzik.

Buku teks Pendidikan Muzik Tingkatan 4 digubal berasaskan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang diorganisasikan menerusi tiga lajur, iaitu Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPi). Buku teks ini merupakan bahan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) utama yang dibekalkan ke sekolah-sekolah menengah di bawah Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) untuk kegunaan murid. Oleh itu, penulisan buku teks ini telah mengambil kira keperluan kumpulan sasar serta mencerminkan hasrat negara Malaysia melalui KSSM.

Buku teks yang menjadi sumber utama pembelajaran bagi murid ini menyediakan perkara utama yang diperlukan oleh kurikulum iaitu memfokuskan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan pemupukan nilai murni yang bersesuaian dengan tahap kemampuan murid. Buku ini mengetengahkan lima bidang utama, iaitu Ensembel Nyanyian, Ensembel Alat Muzik, Apresiasi Muzik, Membaca dan Menulis Notasi Muzik dan Penghasilan Muzik. Setiap bidang ini memberi fokus yang tersendiri dalam pembelajaran.

Melalui pembelajaran dalam buku ini, murid dapat menyanyikan lagu secara ensembel, memainkan alat muzik secara ensembel, mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman muzik menerusi aktiviti nyanyian dan permainan alat muzik, menghasilkan karya dengan menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran muzik, menganalisis dan memberikan pendapat tentang muzik yang didengar, membaca dan menulis notasi muzik serta mengamalkan nilai murni menerusi aktiviti muzik.

Pembelajaran dalam buku ini dimulakan dengan halaman rangsangan setiap unit yang bertujuan untuk menarik minat murid terhadap kandungan pembelajaran. Dalam setiap unit terdapat kandungan pembelajaran, aktiviti, permainan, latihan serta penilaian. Buku ini turut disertakan dengan audio DVD dan juga audio yang boleh diakses dengan mengimbas *QR Code* bagi membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dengan lebih cepat dan mudah. Penggunaan ikon juga disertakan dalam buku ini untuk membezakan pelbagai aktiviti secara grafik.

Penulis berharap agar buku teks ini menjadi sumber rujukan yang baik kepada murid dan guru dalam aktiviti PnP di dalam kelas. Aktiviti yang diketengahkan dalam buku ini hanyalah cadangan daripada penulis. Guru juga boleh menggunakan aktiviti lain yang berkaitan dan bersesuaian bagi memenuhi SP yang dinyatakan dalam DSKP supaya penglibatan murid lebih pelbagai untuk memastikan hasrat pihak Kementerian Pendidikan Malaysia tercapai bagi melahirkan murid yang kreatif, inovatif dan mempunyai kemahiran abad ke-21.

# PENERANGAN IKON

### Audio
Panduan kepada guru dan murid melalui bunyi yang diterjemahkan daripada buku bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran berbentuk CD dan *QR Code*.

### Durasi Pembelajaran
30 60

Tempoh proses pengajaran dan pembelajaran pada setiap topik yang dipelajari.

### Cadangan Aktiviti
Aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah secara individu atau berkumpulan yang berkaitan dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Muzik Tingkatan 4.

### KBAT
Aktiviti atau latihan yang menguji tahap kemahiran berfikir aras tinggi murid.

### Latihan
Soalan dan latihan yang menguji pemahaman murid tentang topik yang dipelajari.

### Nota Guru
Panduan kepada guru dan nombor bagi standard pembelajaran.

### Penilaian
Soalan pengukuhan bagi keseluruhan setiap unit.

### Info Muzik
Info tambahan yang berkaitan dengan setiap topik yang dipelajari.

### Aktiviti
- Latihan Strumming
- Latihan Nyanyian
- Latihan Tepuk Irama

Latihan lazim dalam pembelajaran.

### KA-21
Kemahiran Abad ke-21.

### EMK
Elemen Merentas Kurikulum.

### QR Code
Imbasan *QR Code* membantu untuk terus melayari bahan berkaitan dengan cepat.

IMBAS DI SINI



Topik Pembelajaran
# Pendidikan Muzik

1. Generasiku
2. Malaysia Kebanggaanku
3. Eksplorasi Dunia
4. Melakar Kejayaan
5. Teknologi Menyatupadukan
6. Dimensi Budaya
7. Gapai Impianmu



# Unit 1

# GENERASIKU

**Lima prinsip Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sebagai pegangan dan taat setia rakyat Malaysia kepada negara.**

Bacaan ikrar pada sambutan Hari Kemerdekaan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.



## Standard Pembelajaran

**Pada akhir pembelajaran ini, murid boleh:**

**1.1 Bernyanyi Secara Ensembel**

1.1.1 Bernyanyi lagu dua lapisan suara dengan:
(i) pic yang betul

**2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensembel**

2.1.1 Memainkan alat muzik berdasarkan skor dengan:
(i) pic yang betul (ii) ton yang sesuai
(iii) irama yang betul (iv) tempo yang betul

2.1.3 Memainkan alat muzik secara ensembel dengan mengaplikasikan dinamik yang sesuai berdasarkan skor.

**3.1 Asas Notasi Muzik**

3.1.1 Membaca dan menulis not serta tanda rehat:
(i) krocet bertitik (ii) kuaver
(iii) minim bertitik (iv) semikuaver
(v) kuaver bertitik

**4.1 Pengkaryaan Muzik**

4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada major menggunakan:
(i) meter $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$
(ii) not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semikuaver serta tanda rehat

**5.1 Penghayatan Pelbagai Genre Muzik**

5.1.1 Menganalisis dan memberi pendapat tentang muzik Asia Tenggara yang didengar atau ditonton meliputi aspek asas berikut:
(i) genre muzik (ii) latar belakang muzik
(iii) alat muzik (iv) fungsi muzik
(v) bentuk muzik (vi) cara persembahan

5.1.2 Membentangkan dapatan analisis muzik Asia Tenggara

Durasi pembelajaran 60

# ENSEMBEL NYANYIAN

Ensembel nyanyian terdiri daripada sekumpulan penyanyi yang menyanyikan lagu secara *unison* atau harmoni. Ensembel nyanyian ini boleh diiringi oleh muzik atau tanpa iringan muzik jenis *acapella*. Ensembel nyanyian secara harmoni dinyanyikan secara dua, tiga atau empat lapisan suara.

**IMBAS DI SINI**
https://www.youtube.com/watch?v=t-HRKPuc_mQ

**Ensembel nyanyian boleh dinyanyikan secara:**

(a) Unison
(b) Harmoni
(c) Dua lapisan suara
(d) Tiga lapisan suara
(e) Empat lapisan suara



Jenis-jenis suara yang terdapat dalam ensembel nyanyian ialah:

- a **Soprano (S)** : Suara tinggi perempuan.
- b **Alto (A)** : Suara rendah perempuan.
- c **Tenor (T)** : Suara tinggi lelaki.
- d **Bes (B)** : Suara rendah lelaki.

**INFO MUZIK**

Berikut ialah contoh nyanyian dua lapisan suara.

- Soprano dan Alto (SA)
- Tenor dan Bes (TB)
- Soprano dan Soprano (SS)

**Nota Guru**

1.1.1 (i)
- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Bimbing murid bernyanyi lagu Kamilah Generasi secara dua lapisan suara.
- Bimbing murid bernyanyi lagu Kamilah Generasi baris demi baris.
- Layari laman sesawang untuk menonton video ensembel nyanyian. (Dicapai pada 10 Jun 2019)





## Latihan Nyanyian

Dengarkan audio frasa melodi dan ajuk semula dengan menggunakan pic yang betul.

### Latihan Nyanyian 1

Audio 1




### Latihan Nyanyian 2

Kumpulan A dan kumpulan B mengajuk frasa melodi mengikut corak irama masing-masing. Kemudian pada akhir latihan, ajuk frasa melodi tersebut secara serentak.

Audio 2

**Kumpulan A**




Audio 3 BESARKAN

**Kumpulan B**




### Latihan Nyanyian Secara Serentak

Audio 4

Mari nyanyikan bersama-sama.




**Nota Guru**

- Guru boleh mempelbagaikan suku kata, sebutan atau tempo pada latihan nyanyian.

## MARI BERNYANYI

Nyanyikan suara 1 Lagu Kamilah Generasi diikuti dengan suara 2. Setelah mahir, bentukkan dua kumpulan, iaitu kumpulan suara 1 dan kumpulan suara 2. Nyanyikan lagu secara dua lapisan suara dengan pic yang betul.

### KAMILAH GENERASI

♩ = 70

Ciptaan: Rosman Adam







Audio 5 — Suara 1 dan Suara 2

Audio 6 — Suara 1

Audio 7 — Suara 2

Audio 8 — Minus One

Durasi pembelajaran 120

# PERMAINAN GITAR SECARA ENSEMBEL

Permainan gitar secara ensembel atau berkumpulan memerlukan kerjasama dan kesefahaman antara pemuzik.

Aspek yang perlu diberikan perhatian ialah disiplin, keseimbangan bunyi, penguasaan kemahiran muzik dan teknik bermain gitar yang betul.

**IMBAS DI SINI**
http://arasmega.com/qr-link/persembahan-ensembel-gitar/



**1 Disiplin**

Pastikan latihan mencukupi, mematuhi jadual latihan dan pemuzik memahami bahagian masing-masing.

**2 Keseimbangan Bunyi**

Keseimbangan bunyi penting agar warna ton setiap alat muzik jelas didengari kerana kelantangan bunyi setiap alat muzik tidak sama dan perlu dilaraskan agar seimbang serta jelas didengari.

**3 Penguasaan Kemahiran**

Penguasaan kemahiran muzik menjadikan seorang pemuzik dapat memainkan karya dengan baik dan sempurna.

**4 Teknik**

Pastikan teknik ialah betul dan sesuai dengan karya yang dimainkan agar dapat menghasilkan ton yang sesuai dan berkualiti.

**Nota Guru**

2.1.1 (i) (ii)
- Durasi pembelajaran selama 120 minit.
- Bimbing murid bermain gitar dengan teknik yang betul.
- Bimbing murid membaca not pada skor tab gitar dan ton yang sesuai.
- Layari laman sesawang untuk menonton video ensembel gitar. (Dicapai pada 10 Jun 2019)





# PENGGUNAAN TAB GITAR

TAB gitar ialah salah satu cara penulisan muzik untuk bermain gitar.

TAB gitar mempunyai enam garisan melintang yang mewakili enam tali gitar. Garisan paling atas mewakili tali gitar nombor 1 dan garisan paling bawah mewakili tali gitar nombor 6.

Pada permulaan garis terdapat tulisan TAB yang ditebalkan, iaitu untuk membezakan garisan TAB dengan baluk biasa.

Nombor pada garisan menunjukkan nombor fret yang perlu dimainkan manakala garis bernombor mewakili tali gitar. Sebagai contoh, nombor 2 pada garisan paling atas menunjukkan tali nombor 1 pada fret kedua atau not F#.

**INFO MUZIK**

TAB atau *tablature* bermaksud jaluran. Berbeza dengan notasi biasa yang menggunakan baluk, TAB memfokuskan penjarian alat muzik berbanding pic muzikal dikhususkan untuk alat muzik bertali yang mempunyai fret seperti gitar, *vihuela* dan *lute*.

TAB diperkenalkan semasa zaman *Renaissance* dan *Baroque*, malah masih digunakan sehingga ke hari ini untuk menotasikan pelbagai bentuk muzik.




**Rajah 1.1** Cara bacaan skor tab gitar.

## Latihan TAB Gitar

Analisis kedudukan penjarian, kedudukan tali dan nombor fret, kemudian lakukan latihan berikut sehingga mahir.

### Latihan TAB Gitar 1

Audio 9



### Latihan TAB Gitar 2

Audio 10



### Latihan TAB Gitar 3

Audio 11




## Latihan Ensembel Gitar

### Latihan Ensembel Gitar 1

Berdasarkan skor gitar duet di bawah, mainkan melodi lagu Seloka Anak Muda dengan iringan *strumming*.

Audio 12

**SELOKA ANAK MUDA**

♩ = 118

Ciptaan: M.Syaraff






# ANGKLUNG

## Latar Belakang Muzik

Angklung ialah sejenis alat muzik tradisional Indonesia yang berkembang dalam masyarakat Sunda, Jawa Barat.

Alat muzik ini diperbuat daripada buluh berbentuk tabung, pic berganda dan dibunyikan dengan cara menggoncangkannya. Jenis buluh yang digunakan ialah buluh hitam (awi wulung) atau buluh ater (awi temen) yang mana apabila kering akan berwarna kuning keputihan.

Mengikut sejarah, angklung berasal daripada masyarakat Sunda Asli Baduy, iaitu pada ketika itu mereka menjadikan angklung sebagai alat ritual dalam mengawal penanaman padi dan dimainkan untuk menjemput Dewi Sri (Dewi Pertanian, Dewi Padi dan Dewi Sawah) turun ke bumi memberikan kesuburan pada tanaman padi.

**TAHUKAH ANDA?**

Angklung telah menerima pengiktirafan sebagai Karya Agung Warisan Budaya Lisan dan Nonbendawi Manusia daripada UNESCO sejak November 2010.

**IMBAS DI SINI**

http://arasmega.com/qr-link/persembahan-angklung/

## Jenis dan Bahagian Angklung

Angklung mempunyai beberapa bahagian, iaitu:

a. Tabung suara angklung terdiri daripada dua atau empat tabung dengan mempunyai saiz dan pic yang berbeza. Ianya dipasang longgar pada bahagian tabung dasar. Setiap tabung angklung mempunyai satu oktaf bunyi yang berbeza. Oleh kerana setiap angklung menghasilkan pic yang berbeza, maka sekumpulan pemain angklung diperlukan bagi menghasilkan lagu yang lengkap.

b. Ancak ialah bahagian rangka angklung yang terdiri daripada jejer (rangka angklung), tabung dasar dan palang gantung.





Angklung melodi.


Angklung kord atau iringan.

**Nota Guru**

5.1.1
- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Layari laman sesawang untuk menonton video angklung. (Dicapai pada 17 Jun 2019)

## Ragam Angklung

### a. Angklung melodi

Mempunyai julat pic yang amat luas, iaitu tiga oktaf setengah merangkumi register suara rendah, tengah dan tinggi. Angklungnya berjumlah 31 buah.

IMBAS DI SINI
http://arasmega.com/qr-link/ragam-angklung-melodi/

IMBAS DI SINI
http://arasmega.com/qr-link/ragam-angklung-iringan/

### b. Angklung iringan

Angklung iringan berfungsi mengiringi nyanyian, angklung melodi atau alat muzik lain yang memainkan melodi. Angklung ini mempunyai kord major dan kord minor.

### c. Angklung dimainkan secara solo

Pengembangan model tiga tabung berbeza dua tabung *PaDaeng* yang digantung pada *stand*. Bagi menghasilkan sebuah ensembel muzik permainan angklung secara solo, maka bergabung dalam kumpulan yang disebut “arumba” (alunan rumpun buluh).

IMBAS DI SINI
http://arasmega.com/qr-link/ragam-angklung-dimainkan-secara-solo/



## Cara Memegang Angklung

Ketepatan dan keselesaan memegang angklung dapat menghasilkan bunyi yang terbaik seperti dikehendaki. Pada asasnya, angklung dipegang dengan genggaman dari atas tangan kiri di tengah-tengah simpul pertemuan dua tiang di bahagian atas. Manakala beberapa jari di tangan kanan memegang pangkal tiang kerangka sebelah tabung besar untuk menggoncang anglung.

Nota Guru

- Layari laman sesawang untuk menonton video ragam angklung dan teknik memainkan angklung. (Dicapai pada 17 Jun 2019)



## Teknik Memainkan Angklung

### a. Teknik getar

Teknik asas dan utama dalam permainan angklung, iaitu angklung digoncang keseluruhan tabung suara ke kiri dan ke kanan dengan laju sehingga menghasilkan suara yang mengalun dan tidak putus-putus.

IMBAS DI SINI
http://arasmega.com/qr-link/teknik-getar-angklung-2/

IMBAS DI SINI
http://arasmega.com/qr-link/teknik-tengkep-angklung-3/

### b. Teknik tengkep

Teknik yang sama dengan teknik getar tetapi hanya membunyikan angklung pada tabung tertentu sahaja. Tabung yang tidak perlu diperdamkan bunyinya dengan menahan menggunakan mana-mana jari yang berdekatan. Teknik ini dapat menghasilkan bunyi yang lembut.

### c. Teknik centok

Teknik membunyikan angklung secara pendek dan putus-putus dengan cara menepuk bahagian bawah tepi tabung dasar dengan bahagian hujung jari.

IMBAS DI SINI
http://arasmega.com/qr-link/teknik-centik-angklung-2/

## Fungsi dan Cara Persembahan Angklung



Kini, angklung telah banyak diperdengarkan sebagai hiburan dalam sebuah persembahan sama ada secara instrumental, mengiringi tarian atau nyanyian.

Oleh kerana angklung hanya mempunyai satu pic, maka alat muzik ini perlu dimainkan dalam bentuk ensembel. Bagi melengkapkan kekayaan irama dan melodinya, angklung juga sering digandingkan dengan alat muzik moden lain seperti dalam sebuah pertunjukan konsert.

### Cadangan AKTIVITI

Tonton satu persembahan angklung dari Indonesia, kemudian lakukan analisis. Berikan pendapat anda tentang genre muzik, alat muzik, bentuk muzik dan cara persembahan angklung. Tuliskan jawapan anda dalam buku latihan muzik.

Tandakan tahap penguasaan anda. Mahir ◯ Hampir mahir ◯ Sederhana mahir ◯

Durasi pembelajaran 60

## NOT DAN TANDA REHAT

Not ialah simbol bagi panjang atau pendek sesuatu bunyi yang digunakan dalam sesuatu irama manakala tanda rehat ialah simbol bagi panjang atau pendek nilai senyap. Simbol not dan tanda rehat berbeza mengikut nilai bunyi dan nilai senyap yang digunakan dalam sesuatu irama.

### Not dan Tanda Rehat Kuaver dan Semikuaver

Berikut ialah jadual yang menerangkan not kuaver dan semikuaver.

| Jenis not | Kuaver | Semikuaver |
|---|---|---|
| Simbol not | ♪ | 𝅘𝅥𝅯 |
| Nilai not | ½ | ¼ |
| Tanda rehat | 𝄾 | 𝄿 |

**INFO MUZIK**

| Jenis not | Semibrif | Minim | Krocet |
|---|---|---|---|
| Simbol not | 𝅝 | 𝅗𝅥 | ♩ |
| Nilai not | 4 | 2 | 1 |
| Tanda rehat | 𝄻 | 𝄼 | 𝄽 atau 𝄽 |

### Not dan Tanda Rehat Not Bertitik

Nilai titik ialah separuh dari nilai not atau tanda rehat asal. Jadual di bawah menerangkan nilai not dan tanda rehat not bertitik.

| Jenis not | Minim bertitik | Krocet bertitik | Kuaver bertitik |
|---|---|---|---|
| Simbol not | 𝅗𝅥. → 𝅗𝅥 + ♩ | ♩. → ♩ + ♪ | ♪. → ♪ + 𝅘𝅥𝅯 |
| Nilai not | 2 + 1 | 1 + ½ | ½ + ¼ |
| Tanda rehat | 𝄼. | 𝄽. | 𝄾. |

**Nota Guru**

3.1.1
- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Latihan menepuk irama boleh dilakukan secara kaedah undur (retrograde) dengan iringan pelbagai rentak dalam tempo berbeza yang dilakukan secara individu atau berkumpulan.





### Latihan Mendengar dan Menepuk Corak Irama

Dengar dengan teliti kemudian tepuk corak irama tersebut.

*Latihan Mendengar dan Menepuk Corak Irama 1* — Audio 13



*Latihan Mendengar dan Menepuk Corak Irama 2* — Audio 14



*Latihan Mendengar dan Menepuk Corak Irama 3* — Audio 15



*Latihan Mendengar dan Menepuk Corak Irama 4* — Audio 16



*Latihan Mendengar dan Menepuk Corak Irama 5* — Audio 17



**Nota Guru**

- Latihan menepuk corak irama boleh dipelbagaikan kepada latihan nyanyian.

## LATIHAN

1. Tuliskan persamaan nilai not-not berikut: *Menganalisis*

**Contoh:**




2. Berdasarkan meter yang diberikan, lengkapkan corak irama dengan meletakkan titik pada not yang betul. *Menganalisis*

**Contoh:**




3. Isikan tanda rehat yang sesuai pada tempat yang bertanda *.




4. Berdasarkan keratan lagu di bawah, jawab soalan-soalan berikut.




(a) Isikan tanda rehat pada ruang yang bertanda X.

(b) Notasikan not G pada garisan dengan nilai yang betul pada tempat bertanda *.

(c) i. Namakan jenis not yang digunakan pada keratan lagu di atas dari susunan nilai not terbesar ke nilai not terkecil.

ii. Nyatakan nilai setiap not tersebut.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Nama not** | | | | | |
| **Nilai not** | | | | | |

**Nota Guru**

- Murid dikehendaki membuat setiap latihan di dalam buku latihan.

## PERKARA ASAS DALAM PENCIPTAAN MELODI

Melodi ialah gabungan susunan pic dengan corak irama yang membentuk satu frasa atau bentuk bunyi. Penghasilan melodi bergantung kepada idea dan kreativiti pencipta atau komposer itu sendiri.

### Elemen Utama dalam Pembentukan Melodi

Melodi = Irama + Pic

Selain irama dan pic, pergerakan kord dan penggunaan simbol serta terminologi muzik yang sesuai juga penting dalam penghasilan melodi yang baik.

Penghasilan melodi yang kreatif boleh dicipta dengan menggunakan kaedah yang berikut.

**TIP**

**Permulaan Melodi dan Akhiran Melodi**

Permulaan melodi tidak semestinya bermula dengan not tonik tetapi akhiran melodi biasanya berakhir dengan not tonik.

**Kaedah Mencipta Melodi**

- Corak irama
- Imitasi
- Pergerakan kord
- Improvisasi

### Penghasilan Melodi Berdasarkan Corak Irama

Kaedah ini sering digunakan oleh komposer untuk mengekalkan, mengulang atau menukar corak irama kepada bentuk yang lain mengikut kreativiti komposer itu sendiri.

Contoh penghasilan melodi menggunakan corak irama asal sama ada secara ulangan, kontra, imitasi, improvisasi atau variasi.



Contoh melodi yang telah diubah suai berdasarkan corak irama di atas.



**Nota Guru**

4.1.1
- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Murid dikehendaki membuat setiap latihan di dalam buku latihan.

## LATIHAN

1. Cipta melodi dalam meter $\frac{4}{4}$ mengikut arahan yang diberi.

**Contoh set kad corak irama.**



**Langkah 1**

Murid di dalam kelas dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Setiap kumpulan diberikan set kad kumpulan not bagi meter $\frac{4}{4}$.

**Langkah 2**

Teroka semua kumpulan not yang diberi untuk dijadikan corak irama sepanjang 4 bar.

**Langkah 3**

Tepuk corak irama yang dihasilkan.

**Langkah 4**

Teroka semua pic untuk diletakkan pada corak irama yang dihasilkan.

**Langkah 5**

Notasikan melodi pada corak irama yang dihasilkan.

Contoh penghasilan corak irama dengan pic.



**Langkah 6**

Persembahkan ciptaan melodi di hadapan kelas dengan menggunakan alat muzik pilihan.

**Langkah 7**

Bincang dan bentangkan hasil rumusan tentang elemen muzik yang terdapat pada hasil ciptaan melodi kumpulan lain.

**TAHUKAH ANDA?**

Beethoven menulis sebahagian besar muziknya yang hebat semasa beliau mempunyai masalah pendengaran.

2. Berdasarkan corak irama di bawah, hasilkan melodi dalam nada yang dikehendaki.

Contoh corak irama.



Contoh penghasilan melodi berdasarkan corak irama.



a F Major



b G Major



c B♭ Major



d D Major





## PENILAIAN

Menganalisis dan Menilai

### Ensembel Nyanyian

1. Apakah yang dimaksudkan dengan ensembel nyanyian?
2. Nyatakan kepentingan etika persembahan dalam ensembel nyanyian.
3. Kenal pasti jenis lagu yang sesuai dinyanyikan untuk ensembel nyanyian.
4. Pada pendapat anda, mengapakah terdapat empat suara dalam ensembel nyanyian?

### Ensembel Muzik

5. Hasilkan improvisasi untuk *strumming pattern* bagi mengiringi lagu Mentari secara berkumpulan. Buat latihan yang mencukupi dan persembahkan secara ensembel.






## Notasi Muzik

6. Berdasarkan keratan melodi di bawah, namakan nilai not yang digunakan kemudian tuliskan simbol tanda rehat.



| Bil | Nilai not | Simbol tanda rehat |
|---|---|---|
| a. | | |
| b. | | |
| c. | | |
| d. | | |
| e. | | |
| f. | | |



## Apresiasi Muzik

EMK

7. (a) Dengar atau tonton melalui Internet tentang ensembel muzik lain yang terkenal di Indonesia selain angklung.
   (b) Berikan pendapat anda tentang aspek genre muzik, latar belakang, alat muzik, fungsi muzik, bentuk muzik dan cara persembahan ensembel pilihan anda.
   (c) Bentangkan hasil kajian pada rakan-rakan.

## Penghasilan Muzik

Mengaplikasi



8. Berdasarkan rajah di atas,
   (a) Bentukkan satu kumpulan kecil 4 – 5 orang.
   (b) Susun semula corak irama sebanyak 8 bar dalam meter $\frac{4}{4}$.
   (c) Gunakan sebutan (contoh ka, ke, ki, ko, ku dan lain-lain). Tepuk dan nyanyikan mengikut corak irama yang dicipta.
   (d) Persembahkan hasil ciptaan kepada rakan-rakan.

Tandakan tahap penguasaan anda berdasarkan meter pencapaian.

- Menguasai lagu nyanyian dua lapisan suara dengan pic yang betul.
- Memainkan alat muzik berdasarkan skor dengan pic yang betul, ton yang sesuai, irama yang betul dan tempo yang betul.
- Menganalisis dan memberi pendapat tentang muzik Asia Tenggara yang didengar atau ditonton meliputi aspek genre muzik, latar belakang muzik, alat muzik, fungsi muzik, bentuk muzik dan cara persembahan.
- Membaca dan menulis not serta tanda rehat bagi krocet bertitik, kuaver, minim bertitik, semikuaver dan kuaver bertitik.
- Mencipta melodi mudah dalam nada major menggunakan meter $\frac{3}{4}$ dan $\frac{4}{4}$ berdasarkan not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semikuaver serta tanda rehat.




# Unit 2

# MALAYSIA KEBANGGAANKU

**Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang melindungi kedaulatan dan integriti negara terdiri daripada Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).**

Perbarisan pada Hari Kebangsaan ke-61 bertemakan "Sayangi Malaysiaku" disambut di Dataran Putrajaya, Precint 3.



## Standard Pembelajaran

**Pada akhir pembelajaran ini, murid boleh:**

**1.1 Bernyanyi Secara Ensembel**

1.1.1 Bernyanyi lagu dua lapisan suara dengan:
(i) pic yang betul
(ii) dinamik yang betul

**2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensembel**

2.1.1 Memainkan alat muzik berdasarkan skor dengan:
(i) pic yang betul
(ii) ton yang sesuai
(iii) irama yang betul
(iv) tempo yang betul

**3.1 Asas Notasi Muzik**

3.1.2 Memahami, menulis dan menerangkan maksud meter:
(i) $\frac{3}{4}$ (ii) $\frac{3}{8}$ (iii) $\frac{6}{8}$

**4.1 Pengkaryaan Muzik**

4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada major menggunakan:
(i) meter $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$
(ii) not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semikuaver serta tanda rehat.

## BERNYANYI DENGAN DINAMIK YANG BETUL

Dinamik ialah kuat atau lembut sesuatu bunyi dihasilkan. Dinamik juga mampu mempengaruhi perasaan pendengar untuk menghayati sesuatu karya muzik kerana dinamik memberikan kesan ekspresi. Contohnya karya muzik daripada Beethoven menggunakan dinamik sangat jelas perbezaan dinamiknya.

**IMBAS DI SINI**
http://arasmega.com/qr-link/beethovens-5th-symphony/

Berikut ialah beberapa simbol dan istilah berkaitan dinamik yang biasa digunakan dalam nyanyian.

| Simbol | Istilah/Terminologi | Makna |
|---|---|---|
| ***f*** | *forte* | Kuat |
| ***mf*** | *mezzo forte* | Sederhana kuat |
| < | *crescendo* | Beransur kuat |
| ***p*** | *piano* | Lembut |
| ***mp*** | *mezzo piano* | Sederhana lembut |
| > | *decrescendo* atau *diminuendo* | Beransur lembut |

Dinamik ditandakan dengan simbol-simbol tertentu dalam skor di bawah baluk bagi menunjukkan perubahan dinamik. Penyanyi perlu mengenal pasti simbol dinamik dalam lagu supaya nyanyian lebih ekspresif.

**Cadangan AKTIVITI**

Selain daripada dinamik yang dinyatakan, terdapat beberapa lagi jenis dinamik yang lain. Antaranya ialah *sforzando* (sfz). Lakukan carian dalam Internet berkenaan dengan dinamik tersebut.

Tandakan tahap penguasaan anda. **Mahir** ◯ **Hampir mahir** ◯ **Sederhana mahir** ◯

**Nota Guru**

1.1.1
- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Bimbing murid untuk bernyanyi lagu Sumpah Perajurit dengan dinamik yang betul.
- Layari laman sesawang untuk menonton video *Beethoven's 5th Symphony* (Dicapai pada 14 Julai 2019)





### Latihan Nyanyian

Kenal pasti simbol dinamik dalam skor dan nyanyikan mengikut dinamik yang betul.

*Latihan Nyanyian 3: Suara 1* — Audio 18




*Latihan Nyanyian 4: Suara 2* — Audio 19




**Nota Guru**

- Lakukan latihan nyanyian terlebih dahulu sebelum menyanyikan lagu Sumpah Perajurit.

## MARI BERNYANYI

Nyanyikan lagu Sumpah Perajurit suara 1 diikuti dengan suara 2. Setelah mahir kedua-dua suara, bentukkan dua kumpulan, iaitu kumpulan suara 1 dan kumpulan suara 2. Nyanyikan lagu secara dua lapisan suara dengan mengaplikasikan dinamik yang betul.

### SUMPAH PERAJURIT

♩ = 100

Ciptaan: Rosman Adam







Audio 20 — Suara 1 dan Suara 2

Audio 21 — Suara 1

Audio 22 — Suara 2

Audio 23 — Minus One

Durasi pembelajaran 60

## Kenali Kord Primer dalam Nada D Major

Mainkan kord primer yang terdapat dalam nada D Major yang terdiri daripada kord D Major, kord G Major, dan kord A Major.

**Rajah 2.1** Carta kord dalam nada D Major.

| Numerasi roman | I | ii | iii | IV | V | vi | vii° |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kord | D | Em | F#m | G | A | Bm | C#dim |

Kord yang diwarnakan ialah kord primer bagi nada D Major.




Penjarian kord primer dalam nada D Major.



## Penjarian Gitar Skel D Major





### Cadangan AKTIVITI

*Mengaplikasi*

Mainkan skel D Major dengan penjarian yang betul.




Tandakan tahap penguasaan anda. Mahir ◯ Hampir mahir ◯ Sederhana mahir ◯

**Nota Guru**

2.1.1 (i)(ii)(iii)(iv) 2.1.2
- Durasi pembelajaran selama 120 minit.
- Bimbing murid mengenal pasti ton yang sesuai.
- Bimbing murid bermain gitar dengan pic, irama dan tempo yang betul.

## Latihan *Strumming*

Mainkan latihan *strumming* di bawah.

### Latihan *Strumming* 1

Audio 24




### Latihan *Strumming* 2

Audio 25




### Latihan *Strumming* 3

Audio 26




**Nota Guru**

- Pelbagaikan tempo latihan gitar mengikut penguasaan murid.
- Latihan dilakukan dengan iringan keyboard.

## Latihan Ensembel Gitar

### Latihan Ensembel Gitar 2

Audio 27

Mainkan gitar berdasarkan skor melodi di bawah. Setelah mahir setiap bahagian, mainkan secara ensembel dengan menggabungkan melodi dan *strumming*.



## Latihan Ensembel Gitar 3

Mainkan lagu Ucapku Syukur secara ensembel berdasarkan skor dengan:

(a) Pic yang betul.
(b) Ton yang sesuai.
(c) Irama yang betul.
(d) Tempo yang betul.

Audio 28






## METER

Masa bagi muzik dikawal oleh meter. Meter ditulis selepas simbol klef pada awal lagu seperti contoh di sebelah.




Meter ditulis seperti berikut:

| 3 | 3 | 6 |
|---|---|---|
| 4 | 8 | 8 |

**Nombor di atas** menunjukkan bilangan detik dalam satu bar.

**Nombor di bawah** menentukan jenis notnya.

**INFO MUZIK**

Bagi merasai sesuatu detik, detik pertama pada sesebuah lagu akan dibunyikan dengan lebih kuat.

Rajah di bawah menerangkan maksud meter $\frac{3}{4}$, $\frac{3}{8}$ dan $\frac{6}{8}$.

Audio 29

$\frac{3}{4}$ bermaksud terdapat tiga detik krocet dalam satu bar.



Audio 30

$\frac{3}{8}$ bermaksud terdapat tiga detik kuaver dalam satu bar.



Audio 31

$\frac{6}{8}$ bermaksud terdapat enam detik kuaver dalam satu bar.



**Nota Guru**

3.1.2 • Durasi pembelajaran selama 60 minit.

## LATIHAN

1. Isikan ruang kosong dengan jawapan yang betul.

| Bil. | Simbol meter | Corak irama | Maksud meter |
|---|---|---|---|
| a. | | ♩ ♩ ♩ | |
| b. | $\frac{2}{4}$ | | |
| c. | | | Tiga detik kuaver setiap bar. |
| d. | |  | |
| e. | $\frac{4}{4}$ | | |

2. Tuliskan meter yang sesuai bagi setiap keratan melodi di bawah.




3. Isikan tanda rehat yang sesuai pada tempat bertanda *.



4. Isikan garis bar pada setiap corak irama di bawah.




**Nota Guru**

- Murid dikehendaki membuat setiap latihan di dalam buku latihan.

## Pengumpulan Not dan Tanda Rehat Meter $\frac{6}{8}$

Pengumpulan not dan tanda rehat bertujuan untuk memudahkan pembacaan skor muzik. Pada pelajaran yang lalu, murid telah pun mempelajari pengumpulan not dan tanda rehat dalam meter $\frac{3}{4}$ dan $\frac{3}{8}$. Berikut ialah contoh pengumpulan not dan tanda rehat dalam meter $\frac{6}{8}$:

**IMBAS DI SINI**
http://arasmega.com/qr-link/lagu-warisan-2/

Dikumpulkan dalam dua detik krocet bertitik bagi setiap bar.

Setiap detik dapat dibahagikan kepada dua bahagian yang sama nilai.



**Rajah 2.2** Contoh pengumpulan not yang betul.

**LATIHAN** — *Menganalisis*

1. Tuliskan semula corak irama di bawah mengikut pengumpulan not yang betul.

| | Pengumpulan not yang salah | Pengumpulan not yang betul |
|---|---|---|
| a |  | |
| b |  | |
| c |  | |
| d |  | |
| e |  | |
| f |  | |

2. Tuliskan semula corak irama di bawah dengan pengumpulan not yang betul.

a 

b 

c 

d 

e 

f 

g 

**Nota Guru**
- Layari laman sesawang untuk menonton video lagu Warisan. (Dicapai pada 10 Jun 2019)
- Murid dikehendaki membuat setiap latihan di dalam buku latihan.

Durasi pembelajaran 60

## Penciptaan Melodi dalam Meter $\frac{3}{4}$

1. Anda dibekalkan dengan kad yang mempunyai corak irama $\frac{3}{4}$. Pilih empat corak irama dan gabungkan pada papan putih. Setiap kumpulan akan memainkan corak irama masing-masing.

**Contoh set kad corak irama.**



(a) Kumpulan 1 dan kumpulan 2 akan memilih corak irama berdasarkan meter $\frac{3}{4}$.

(b) Aturkan pilihan corak irama pada papan putih berserta garis bar dan garis penamat.

(c) Ciptakan melodi 16 bar dengan menggunakan:

   (i) Meter $\frac{3}{4}$.

   (ii) Nilai not semibrif, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, krocet bertitik, semikuaver dan tanda rehat.

   (iii) Masukkan garis bar dan garis penamat.

   (iv) Masukkan sekurang-kurangnya dua tanda dinamik yang sesuai.

   (v) Persembahkan hasil karya muzik ciptaan anda secara kreatif.

2. Mainkan melodi yang anda cipta dalam kumpulan, kemudian ciptakan melodi menggunakan meter yang berbeza.

**Nota Guru**

4.1.1 • Durasi pembelajaran selama 60 minit.





## PENILAIAN

### Ensembel Nyanyian

Menilai · Kemahiran Abad ke-21

1. Jawab soalan berdasarkan skor lagu di bawah.

**PERAJURIT NEGARA**

♩ = 130 Ciptaan: M.Syaraff




(a) Apakah yang perlu dilakukan oleh penyanyi apabila melihat simbol $<$ dan $>$ dalam skor nyanyian?

(b) Bincangkan impak penggunaan dinamik terhadap persembahan nyanyian.

(c) Nyanyikan lagu Perajurit Negara dengan dinamik yang betul secara berkumpulan. Lakukan penilaian dan beri komen mengenai nyanyian tersebut.

## Ensembel Muzik

2. Tandakan penjarian gitar skel D Major pada carta di bawah.



3. Tulis dan mainkan penjarian gitar skel D Major.

Mengaplikasi



## Notasi Muzik

4. Jawab soalan berikut berdasarkan keratan melodi yang diberikan.



(a) Isikan meter berdasarkan corak irama pada bar 1.
(b) Isikan garis bar pada keratan melodi di atas.
(c) Isikan tanda rehat di tempat bertanda *.

## Penghasilan Muzik

Mengaplikasi

5. Berdasarkan corak irama di bawah, ciptakan melodi 8 bar mengikut nada yang diberikan.

a D Major



b F Major



Tandakan tahap penguasaan anda berdasarkan meter pencapaian.

- Menguasai lagu nyanyian dua lapisan suara dengan dinamik yang betul.
- Memainkan alat muzik berdasarkan skor dengan pic yang betul, ton yang sesuai, irama yang betul dan tempo yang betul.
- Memahami, menulis dan menerangkan maksud meter $\frac{3}{4}$, $\frac{3}{8}$ dan $\frac{6}{8}$.
- Mencipta melodi mudah dalam nada major menggunakan meter $\frac{3}{4}$, $\frac{4}{4}$ berdasarkan not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semikuaver serta tanda rehat.

# Unit 3

# EKSPLORASI DUNIA




**Terdapat tujuh buah benua di dunia yang terdiri daripada Benua Asia, Benua Afrika, Benua Amerika Utara, Benua Amerika Selatan, Benua Antartika, Benua Australia, dan Benua Eropah.**

Layari Internet untuk mengetahui kedudukan benua di dunia.



## Standard Pembelajaran

**Pada akhir pembelajaran ini, murid boleh:**

### 1.1 Bernyanyi Secara Ensembel

1.1.2 Bernyanyi dengan teknik yang betul:
(i) pernafasan

### 2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensembel

2.1.1 Memainkan alat muzik berdasarkan skor dengan:

| | |
|---|---|
| (i) pic yang betul | (ii) ton yang sesuai |
| (iii) irama yang betul | (iv) tempo yang betul |

### 3.1 Asas Notasi Muzik

3.1.3 Memahami, menulis dan menerangkan maksud terminologi dan simbol muzik:

| | |
|---|---|
| (i) tanda kromat | (ii) akhiran 1,2 |
| (iii) tanda ulangan | (iv) tanda penamat |
| (v) *tie* | (vi) *slur* |
| (vii) *Crescendo* | (viii) *Decrescendo* |
| (ix) *Lento* | (x) *Da Capo* (D.C) |
| (xi) *Dal Segno* (D.S) | (xii) *Segno* |
| (xiii) *Coda* | (xiv) *Fermata* |

### 4.1 Pengkaryaan Muzik

4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada major menggunakan:

(i) meter $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$

(ii) not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semikuaver serta tanda rehat.

4.1.2 Mempersembahkan hasil ciptaan

### 5.1 Penghayatan Pelbagai Genre Muzik

5.1.1 Menganalisis dan memberi pendapat tentang muzik Asia Tenggara yang didengar atau ditonton meliputi aspek asas berikut:

| | |
|---|---|
| (i) genre muzik | (ii) latar belakang muzik |
| (iii) alat muzik | (iv) fungsi muzik |
| (v) bentuk muzik | (vi) cara persembahan |

5.1.2 Membentangkan dapatan analisis muzik Asia Tenggara

## BERNYANYI DENGAN TEKNIK PERNAFASAN YANG BETUL

Teknik pernafasan amat penting dalam nyanyian. Salah satu teknik pernafasan yang perlu dikuasai ialah teknik *attack* dan *release*. Teknik *attack* ialah cara untuk memulakan nyanyian sesuatu not melibatkan ketepatan pic serta sebutan vokal dan konsonan lirik lagu. Teknik *release* pula ialah cara mengakhirkan sesuatu not dalam nyanyian.

Bagi mendapatkan teknik nyanyian yang baik, kita perlulah bernafas dengan kaedah yang betul, iaitu menggunakan otot diafragma dan otot abdomen.

Kenal pasti pic yang akan dinyanyikan dan hasilkan frasa melodi agar nyanyian lebih relaks dan not yang dinyanyikan jelas dan betul.

Bagi teknik *release pula*, pastikan kiraan nilai not tepat sebelum nyanyian not pada akhir frasa. Sebutan vokal dan konsonan juga mestilah betul dan jelas bagi mendapatkan nyanyian yang baik.



**INFO MUZIK**

Penyanyi perlu mengetahui pernafasan mereka kerana ianya akan memberi kesan kepada nada dan kualiti suara, kemampuan untuk mencapai julat pic yang diperlukan dan kemahiran mengawal not untuk tempoh masa yang lama.

**TIP**

Gunakan teknik pernafasan yang betul dengan mengamalkan senaman mudah seperti berikut:
(i) Baring dan letakkan sebuah buku besar di bahagian tengah abdomen anda.
(ii) Tarik nafas dan jika dilakukan dengan betul, anda dapat melihat buku tersebut naik.
(iii) Tahan nafas selama tiga saat sebelum dilepaskan.
(iv) Hembus nafas perlahan-lahan dan perhatikan buku turun mengikut abdomen anda.

**Cadangan AKTIVITI**

Dengarkan lagu pilihan anda, kemudian beri pendapat tentang teknik pernafasan yang digunakan oleh penyanyi dalam lagu tersebut.

Tandakan tahap penguasaan anda. **Mahir** ○ **Hampir mahir** ○ **Sederhana mahir** ○

**Nota Guru**

1.1.1
1.1.2

- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Bimbing murid untuk bernyanyi dengan teknik yang betul.
- Bimbing murid bernyanyi lagu baris demi baris.

### Latihan Nyanyian

Dengarkan audio frasa melodi dan ajuk semula dengan menggunakan pic yang betul.

**Latihan Nyanyian 5** Audio 32




**Latihan Nyanyian 6** Audio 33




**Latihan Nyanyian 7** Audio 34




**Latihan Nyanyian 8** Audio 35




**Nota Guru**

- Pelbagaikan sebutan latihan nyanyian untuk membantu murid menguasai teknik pernafasan yang baik.

## MARI BERNYANYI

Nyanyikan suara 1 lagu Satelit Inspirasi, kemudian diikuti dengan suara 2. Setelah mahir kedua-dua suara, nyanyikan secara ensembel dengan mengaplikasikan teknik pernafasan yang betul.

### SATELIT INSPIRASI

Ciptaan: Rosman Adam







Audio 36 Suara 1 dan Suara 2

Audio 37 Suara 1

Audio 38 Suara 2

Audio 39 Minus One

Durasi pembelajaran 60

## Kenali Kord Primer dalam Nada B♭ Major

Mainkan kord primer yang terdapat dalam nada B♭ Major yang terdiri daripada kord B♭ Major, kord E♭ Major, dan kord F Major.

**Rajah 3.1** Carta kord primer dalam nada B♭ Major.

| Numerasi roman | I | ii | iii | IV | V | vi | vii° |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kord | B♭ | Cm | Dm | E♭ | F | Gm | Adim |

Kord yang diwarnakan ialah kord primer bagi nada B♭ Major.

B♭





E♭





F





Penjarian kord primer dalam nada B♭ Major.

**Nota Guru**

2.1.1 (i)(ii)(iii)(iv) 2.1.2

- Durasi pembelajaran selama 120 minit.
- Bimbing murid bermain gitar dengan pic yang betul.
- Bimbing murid mengenal pasti ton yang sesuai.
- Bimbing murid bermain gitar dengan irama dan tempo yang betul.





## Penjarian Gitar Skel B♭ Major






### Cadangan AKTIVITI

*Mengaplikasi*

Mainkan skel B♭ Major dengan penjarian yang betul.




Tandakan tahap penguasaan anda. **Mahir** ○ **Hampir mahir** ○ **Sederhana mahir** ○

## Latihan *Strumming*

Mainkan latihan gitar di bawah.

### Latihan *Strumming* 4

Audio 40




### Latihan *Strumming* 5

Audio 41




### Latihan *Strumming* 6

Audio 42




**Nota Guru**

- Pelbagaikan tempo latihan mengikut penguasaan murid.
- Latihan dimainkan dengan iringan keyboard.

## Latihan Ensembel Gitar

### Latihan Ensembel Gitar 4

Audio 43

Mainkan gitar berdasarkan skor melodi di bawah.




### Latihan Ensembel Gitar 5

Audio 44

Mainkan lagu Bangkitlah secara ensembel berdasarkan skor dengan:

(a) Pic yang betul.
(b) Ton yang sesuai.
(c) Irama yang betul.
(d) Tempo yang betul.

**BANGKITLAH**

♩ = 100

Ciptaan: M.Syaraff



# ENSEMBEL PI PHAT

## Latar Belakang Muzik

Ensembel pi phat ialah ensembel muzik klasikal Thailand yang terdiri daripada alat perkusi dan alat tiup kayu (woodwind).

Terdiri daripada enam alat muzik, iaitu *pi nai* (serunai), *taphon* (gendang), *ching* (simbal), *khong wong yai* (gong), *glong thad* (gendang) dan *ranat ek* (zilofon) yang mana dimainkan secara duduk.

Ensembel ini dipersembahkan semasa upacara keagamaan, mengiringi teater tradisional Thai, tarian klasikal (lakhon) dan wayang kulit.

**INFO MUZIK**

Ensembel pi phat dipersembahkan dalam upacara diraja dan festival rakyat seperti konsert muzik atau mengiringi persembahan *Khon* (Drama tari bertopeng), *Yai* (Wayang kulit), *Lakhon* (Drama tari), *Hun Krabok* (Teater patung buluh) dan *Li-Ke* (Drama tarian rakyat). Ensembel pi phat juga dimainkan dalam upacara pengebumian.

## Jenis Alat Muzik

**IMBAS DI SINI**

http://arasmega.com/qr-link/ensembel-pi-phat-3/

### Alat muzik idiofon

#### Ranat

*Ranat* ialah alat muzik perkusi idiofon yang terdiri daripada 12 bilah kayu. Kayu tersebut diregangkan di atas tali dan dipasang tergantung di atas kayu yang berbentuk sampan.

Alat muzik ini mempunyai tujuh pic dan boleh dimainkan sepanjang tiga oktaf dengan menggunakan dua pemukul. Ketiga-tiga ranat menggunakan jenis pemukul yang berbeza.

Pemukul keras (hard mallet) digunakan untuk memainkan muzik yang laju dan mendapatkan bunyi yang kuat manakala pemukul lembut (soft mallet) digunakan untuk mendapatkan ton lembut dan bunyi yang perlahan.



*Ranat thum*



*Ranat thum lek*



*Ranat ek*

#### Khong wong lek



*Khong wong lek* ialah alat muzik perkusi idiofon. Terdiri daripada 16 gong kecil yang diikat dengan tali di atas rotan berbentuk bulatan.

Alat muzik ini menggunakan talaan yang sama dengan talaan barat (western tuning). Setiap gong disalut dengan lilin lebah di bawahnya bagi membezakan setiap pic. Pemain akan duduk di dalam dengan memainkannya menggunakan pemukul.

#### Khong mon



*Khong mon* ialah alat muzik gong yang disusun dalam separa bulatan dan dimainkan oleh kaum Mon di Barat Thailand.

Ukiran hiasan separuh manusia dan separuh burung menghiasi bingkai alat muzik, iaitu simbolik kepada muzik bagi bangsawan.

### Alat muzik membranofon

#### Taphon



*Taphon* ialah sejenis gendang tradisional Thailand yang berbentuk tong (barrel) dan mempunyai dua permukaan muka.

Alat muzik ini dimainkan dengan cara memukul permukaan muka *taphon* dengan tangan ataupun jari.

#### Klong that



Sejenis alat muzik gendang tradisional Thailand yang juga dikenali sebagai *klong chatri* atau *klong tuk*.

Alat muzik ini dimainkan dengan menggunakan dua batang pemukul.

### Alat muzik erofon

#### Pi nai



Alat muzik tiupan yang menyerupai serunai.

#### Khlui



Alat muzik tiupan yang menyerupai seruling dan diperbuat daripada buluh.

**INFO MUZIK**

*Ching* dikategorikan sebagai idiofon dan disambung menggunakan tali. *Ching* akan dilagakan bagi mengeluarkan bunyi.

**Nota Guru**

5.1.1
- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Layari laman sesawang untuk menonton video ensembel pi phat. (Dicapai pada 10 Jun 2019)

## Bahagian Alat Muzik

Terdapat enam jenis ensembel pi phat, iaitu:

### Pi phat *Khryang Ha*

Pi phat *khryang ha* ialah ensembel yang mengiringi *khone* (tarian bertopeng), *lakorn* dan *nang yai* ketika zaman pemerintahan Kerajaan Ayuthaya. Ensembel ini terdiri daripada:

(a) 1 *ranat ek*, (b) 1 *khong wong yai*, (c) 1 *taphon*,
(d) Sepasang *klong that*, (e) 1 *pi nai*, (f) 1 *ching*.

### Pi phat *Khryang Khu*

Ensembel pi phat *khryang khu* diubahsuai daripada pi phat *kruang ha* dan telah digunakan dalam muzik Thailand sejak pemerintahan Raja Chakri III. Ensembel ini terdiri daripada:

(a) 1 *ranat ek*, (b) 1 *ranat thum*, (c) 1 *khong wong lek*,
(d) 1 *khong wong yai*, (e) 1 *pi nog*, (f) 1 *taphon*.

### Pi phat *Khryang Yai*

Ensembel pi phat *khryang yai* ialah ensembel pi phat yang terbesar. Mula diperkenalkan ketika era Raja Chahri I. Ensembel ini terdiri daripada:

(a) 1 *ranat ek*, (b) 1 *ranat ek lek*, (c) 1 *ranat thum*, (d) 1 *ranat thum lek*,
(e) 1 *khong wong lek*, (f) 1 *khong wong yai*, (g) 1 *pi nong*, (h) 1 *taphon*,
(i) Sepasang *klong that*, (j) 1 *pi nai* dan lain-lain.

### Pi phat *Duek Dam Ban*

Ensembel pi phat *duek dam ban* diperkenalkan oleh Putera Naris pada tahun 1898. Ensembel ini terdiri daripada:

(a) 1 *ranat ek*, (b) 1 *ranat thum*, (c) 1 *ranat thum lek*, (d) 1 *khong wong yai*,
(e) 1 *saw-u*, (f) 1 *khlui-u*, (g) 1 *khlui phiang aw*.

### Pi phat *Nang Hong*

Ensembel pi phat *nang hong* dimainkan ketika majlis pengebumian. Namanya diambil sempena nama tajuk lagu utama, iaitu "Tab Ruang Nang Hong". Ensembel ini ialah gabungan ensembel pi phat dan gendang Melayu yang terdiri daripada:

(a) 1 *ranat ek*, (b) 1 *ranat thum*, (c) 1 *khong wong yai*, (d) 1 *khong wong lek*,
(e) 1 *pi java*, (f) Sepasang gendang Melayu.

### Pi phat *Mon*

Mula dimainkan ketika pemerintahan Raja Chakri Rama IV. Ensembel ini hampir sama dengan ensembel pi phat lain kecuali alat muzik *khong mon* yang ditambah ke dalamnya. Dimainkan oleh etnik Mon dan dipersembahkan dalam majlis kebudayaan dan pengebumian.





## TERMINOLOGI MUZIK

Tempo, dinamik dan tanda isyarat dalam skor muzik membantu pemuzik dan konduktor memainkan lagu dengan ekspresi yang dikehendaki oleh komposer atau penggubah lagu.

| | Istilah/ Terminologi | Simbol | Maksud |
|---|---|---|---|
| **Tempo** | *Lento* | *Lento* | Sangat lambat. |
| | *ritenuto* | *rit.* | Beransur lambat. |
| **Dinamik** | *Crescendo* | < | Semakin kuat atau beransur kuat. |
| | *Decrescendo* | > | Semakin lembut atau beransur lembut. |
| **Simbol** | Flet | ♭ | Pic pada not diturunkan semiton. |
| | Syap | ♯ | Pic pada not dinaikkan semiton. |
| | Natural | ♮ | Kembali ke not asal. |
| | Akhiran 1, 2 |  | Dimainkan sehingga tanda akhiran 1, kemudian ulang semula di tempat bertanda permulaan ulangan dan terus bermain sehingga ke akhiran 2 tanpa memainkan semula akhiran 1. |





Nota Guru

3.1.3 • Durasi pembelajaran selama 60 minit.

| | Istilah/ Terminologi | Simbol | Maksud |
|---|---|---|---|
| Simbol | Tanda ulangan |  | Ulangan |
| | Tanda penamat |  | Tamatnya sesebuah lagu. |
| | *Tie* |  | Garisan melengkung yang menyambungkan dua not yang sama pic untuk memanjangkan bunyi. |
| | *Slur* |  | Garisan melengkung yang menyambungkan dua not berbeza pic yang dimainkan secara bersambung atau tanpa putus. |
| | *Da Capo (D.C)* | **D.C** | Ulang dari mula. |
| | *Dal Segno (D.S)* | **D.S** | Ulang dari tanda 𝄋. |
| | *Segno* | 𝄋 | Tanda 𝄋. |
| | *Coda* | 𝄌 | Bahagian tambahan dalam sesuatu lagu atau penutup lagu atau biasanya berbeza dari struktur asas lagu. |
| | *Fermata* | 𝄐 | Berhenti seketika. |

## Cadangan AKTIVITI

Bahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Setiap kumpulan diberi masa tertentu untuk berlatih memainkan corak irama yang diberi guru mengikut nilai not dan dinamik yang betul. Latihan ini boleh dilakukan sama ada secara menepuk, pergerakan badan atau menggunakan mana-mana alat perkusi pilihan yang sesuai.

Tandakan tahap penguasaan anda. **Mahir** ◯ **Hampir mahir** ◯ **Sederhana mahir** ◯

## LATIHAN

1. Namakan terminologi muzik yang terdapat pada setiap keratan melodi berikut.

(a)




(b)




2. Berdasarkan melodi di bawah, terangkan secara ringkas cara melodi dimainkan pada bar berikut.




(a) Bar 1 hingga 4.
(b) Bar 5 dan 6.
(c) Bar 9 dan 10.

3. Namakan dan nyatakan fungsi simbol berikut:

| Bil. | Simbol | Nama | Fungsi |
|---|---|---|---|
| a. | 𝄋 | | |
| b. | 𝄌 | | |
| c. | **D.C** | | |
| d. |  | | |
| e. | ♯ | | |

# OLAHAN IDEA DALAM KOMPOSISI

Idea dan kreativiti diperlukan dalam menghasilkan melodi yang baik. Kaedah mencipta melodi berdasarkan melodi yang sedia ada dapat membantu komposer menghasilkan sebuah karya yang lebih tersusun.

## Penghasilan Melodi Berdasarkan Imitasi

Imitasi ialah satu gaya peniruan yang mana komposer mengambil beberapa bahagian dalam sesebuah melodi yang sedia ada. Bahagian yang diambil ialah pergerakan corak irama dan pic.

**Contoh penghasilan corak irama.**

Apabila guru menepuk sesuatu corak irama, maka murid akan menepuk semula corak irama yang dilakukan oleh guru. Contoh imitasi ke atas corak irama sahaja tetapi dengan not dan jeda yang berbeza.



Corak irama dan melodi asal.

Corak irama yang diajuk dengan melodi baru.

Berdasarkan keratan melodi di bawah, cipta melodi baru dengan mengambil dua bahagian atau dua bar atau pada keratan melodi dalam nada Major:

a B♭ Major



b D Major



**Nota Guru**

4.1.1
- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Murid dikehendaki membuat setiap latihan di dalam buku latihan.

## PENILAIAN

### Ensembel Nyanyian

Menilai dan Mengaplikasi

1. Berdasarkan kefahaman anda, jelaskan tentang teknik *attack* dan *release* dalam nyanyian secara ringkas.
2. Apakah kesan jika anda tidak menguasai teknik ini dan tidak mengaplikasikannya dalam nyanyian?

### Ensembel Muzik

Mengaplikasi

3. Tandakan penjarian skel gitar B♭ Major pada carta di bawah.



4. Tulis dan mainkan penjarian gitar skel B♭ Major.



## Notasi Muzik

5. Berdasarkan lagu **Seri Mersing**, jawab soalan-soalan berikut:




(a) Kenal pasti simbol dan maksud tempo yang terdapat pada lagu di atas.

| Bar | Simbol | Maksud |
|---|---|---|
| **Tempo** | | |
| Permulaan lagu | | |
| Bar 20 | | |
| **Simbol dan arahan persembahan** | | |
| Bar 1 | | |
| Bar 5 | | |
| Bar 9 | | |
| Bar 17 | | |
| Bar 18 | | |
| Bar 19 | | |

## Penghasilan Muzik

Mengaplikasi

6. Ciptakan sebuah melodi 8 bar berdasarkan motif yang diberi dengan menggunakan elemen-elemen berikut:
   (a) Nada major.
   (b) Meter $\frac{4}{4}$.
   (c) Menggunakan jenis not 𝅗𝅥., ♩, ♪, 𝅘𝅥𝅯 dan tanda rehat krocet.
   (d) Menggunakan kaedah imitasi dan simbol dinamik yang telah dipelajari.
   (e) Tepuk corak irama yang dihasilkan atau mainkan dengan alat muzik pilihan.



## Apresiasi Muzik

Kemahiran Abad ke-21

7. Bentuk kumpulan dan cari bahan-bahan mengenai ensembel pi phat berkaitan perkara-perkara di bawah. Bentangkan hasil dapatan dalam bentuk persembahan multimedia seperti *Power Point*.
   (a) Pengenalan ensembel pi phat.
   (b) Gambar setiap alat muzik yang digunakan dalam ensembel pi phat.
   (c) Gambar atau video persembahan ensembel pi phat.

Tandakan tahap penguasaan anda berdasarkan meter pencapaian.

- Bernyanyi dengan teknik pernafasan yeng betul.
- Memainkan alat muzik berdasarkan skor dengan pic yang betul, ton yang sesuai, irama yang betul dan tempo yang betul.
- Menganalisis dan memberi pendapat tentang muzik Asia Tenggara yang didengar atau ditonton meliputi aspek genre muzik, latar belakang muzik, alat muzik, fungsi muzik, bentuk muzik dan cara persembahan.
- Memahami, menulis dan menerangkan maksud terminologi dan simbol muzik bagi tanda kromat, akhiran 1, 2, tanda ulangan, tanda penamat, *tie*, *slur*, *Crescendo*, *Decrescendo*, *Lento*, *Da Capo* (D.C), *Dal Segno* (D.S), *Segno*, *Coda* dan *Fermata*.
- Mencipta melodi mudah dalam nada major menggunakan meter $\frac{3}{4}$ dan $\frac{4}{4}$ berdasarkan not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semikuaver serta tanda rehat. dan mempersembahkan hasil ciptaan.

# Unit 4

# MELAKAR KEJAYAAN



Pasukan gimnastik artistik wanita negara memenangi pingat emas dalam acara berpasukan di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.



## Standard Pembelajaran

**Pada akhir pembelajaran ini, murid boleh:**

**1.1 Bernyanyi Secara Ensembel**

1.1.2 Bernyanyi dengan teknik yang betul:
(ii) artikulasi

**2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensembel**

2.1.1 Memainkan alat muzik berdasarkan skor dengan:
(i) pic yang betul
(ii) ton yang sesuai
(iii) irama yang betul
(iv) tempo yang betul

**3.1 Asas Notasi Muzik**

3.1.4 Membaca dan menulis not dalam klef bes sehingga 2 garisan leger.

**4.1 Pengkaryaan Muzik**

4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada major menggunakan:
(i) meter $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$
(ii) not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semikuaver serta tanda rehat.

Durasi pembelajaran 60

## BERNYANYI DENGAN ARTIKULASI YANG BETUL

Antara teknik artikulasi yang ada dalam nyanyian ialah teknik *staccato*. Cara menyanyikan *staccato* adalah dengan memendekkan nilai not separuh daripada nilai asal not tersebut. Teknik ini biasanya diaplikasikan dalam lagu-lagu yang rancak.

Anda akan merasakan pergerakan otot-otot di bahagian abdomen semasa mengaplikasikan teknik *staccato* dalam nyanyian. Kawalan pernafasan dapat membantu nyanyian secara *staccato* dengan baik.

**INFO MUZIK**

Penulisan *staccato* dalam notasi ditulis di atas atau di bawah not menggunakan simbol "•".





### Cadangan AKTIVITI

Analisis skor di bawah, dengarkan perbezaan pada bahagian bertanda *staccato*. Guru membuat tunjuk cara teknik *staccato* yang betul dan membimbing murid untuk mendapatkan teknik yang betul.

**THE FROGS**

Audio 45




Tandakan tahap penguasaan anda. Mahir ◯ Hampir mahir ◯ Sederhana mahir ◯

**Nota Guru**

1.1.1 • Durasi pembelajaran selama 60 minit.
1.1.2 • Bimbing murid bernyanyi lagu Masa dengan teknik artikulasi yang betul.
• Bimbing murid bernyanyi lagu Masa baris demi baris.





### Latihan Teknik *Staccato* dan *Legato*

Perhatikan skor di bawah, kenal pasti simbol *staccato* dan nyanyikan frasa melodi berikut dengan teknik yang betul.

**Latihan Nyanyian 10**

Audio 46

*Andante*




**Latihan Nyanyian 11**

Audio 47

*Moderato*




**Latihan Nyanyian 12**

Audio 48

*Allegro*




**Nota Guru**

• Bimbing murid membuat latihan pernafasan sebelum menyanyi.

## MARI BERNYANYI

Nyanyikan suara 1 lagu Masa diikuti dengan suara 2. Setelah mahir kedua-dua suara, nyanyikan secara ensembel dengan menggunakan teknik artikulasi.

### MASA

♩ = 73

Ciptaan: Rosman Adam







Audio 49 Suara 1 dan Suara 2

Audio 50 Suara 1

Audio 51 Suara 2

Audio 52 Minus One

Durasi pembelajaran 60

## Kenali Kord Primer dalam Nada B Minor

Mainkan kord primer dalam nada B minor yang terdiri daripada kord B minor, kord E minor dan kord F# Major.

**Rajah 4.1** Carta kord dalam nada B minor.

| Numerasi roman | i | ii° | III | iv | V | VI | vii° |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kord | Bm | C#dim | D | Em | F# | G | A#°dim |

Kord yang diwarnakan ialah kord primer bagi nada B minor.

Bm





Em





F#





Penjarian kord primer dalam nada B minor.

**Nota Guru**

2.1.1 (i)(ii)(iii)(iv)
2.1.2

- Durasi pembelajaran selama 120 minit.
- Bimbing murid mengenal pasti ton yang sesuai.
- Bimbing murid bermain gitar dengan pic, irama dan tempo yang betul.





## Penjarian Gitar Skel B Minor Harmonik






### Cadangan AKTIVITI

*Mengaplikasi*

Mainkan skel B minor harmonik dengan penjarian yang betul.




Tandakan tahap penguasaan anda. Mahir ◯ Hampir mahir ◯ Sederhana mahir ◯

## PERMAINAN GITAR BES

Permainan gitar bes boleh dijadikan sebagai iringan melodi selain daripada teknik *strumming*. Teknik asas dalam permainan bes ialah bermain secara *alternate picking*, iaitu menggunakan jari telunjuk dan jari tengah secara berselang-seli.

**INFO MUZIK**

Terdapat beberapa cara memainkan bes, iaitu not tonik dan median (1-3) atau not tonik dan dominan (1-5) yang dimainkan dalam setiap kord iringan.

### Latihan Gitar Bes

Berdasarkan skor berikut, mainkan bahagian bes dengan mengaplikasikan teknik *alternate picking* bagi not tonik dan dominan dalam kord-kord berikut.

Audio 53

#### Latihan Gitar Bes 1




Audio 54

#### Latihan Gitar Bes 2




### Latihan Ensembel Gitar 6

Mainkan lagu Terbang Tinggi secara ensembel dengan mengaplikasikan teknik-teknik bermain gitar yang telah dipelajari.

Audio 55

**TERBANG TINGGI**

♩ = 110

Ciptaan: M.Syaraff




**Nota Guru**

- Pelbagaikan tempo latihan mengikut penguasaan murid.
- Latihan dimainkan dengan iringan keyboard.

## KLEF BES

Klef bes juga dikenali sebagai klef F.



**INFO MUZIK**

Klef bes selalunya digunakan pada:

**Vokal**:
Suara bes.

**Alat muzik orkestra:**
*Double bass, basoon,* trombon, timpani.

Berikut ialah not dalam klef bes sehingga 2 garisan leger.




## LATIHAN

1. Tulis not dalam klef bes sehingga 2 garisan leger.



2. Notasikan semula not pada klef trebel ke klef bes dengan mengekalkan pic asal.

a 

b 

c 

d 

3. Lukiskan klef berdasarkan nama not yang diberikan.

a 
E

b 
G

c 
E

d 
C

e 
D

f 
A

g 
D

h 
D

i 
C

4. Notasikan setiap not berikut pada baluk.

a 
Semibrif C pada garis leger

b 
Krocet F pada garisan

c 
Kuaver bertitik A pada ruang

d 
Not kuaver B pada garisan

e 
Krocet bertitik C tengah

f 
Semikuaver G pada garisan

g 
Kuaver bertitik A pada ruang

h 
Minim C pada garis leger

i 
Minim bertitik E pada garis leger

**Nota Guru**

3.1.4
- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Murid dikehendaki membuat setiap latihan di dalam buku latihan.

## PENCIPTAAN MELODI BERASASKAN PERGERAKAN KORD

Penciptaan melodi boleh dilakukan dengan berpandukan pergerakan kord. Anda haruslah mempunyai pengetahuan tentang binaan asas triad.

### Penciptaan Melodi Dalam Nada Major

Pergerakan Kord I, Kord IV dan Kord V dibina dari not pertama, keempat dan kelima dalam sesuatu skel.




**INFO MUZIK**

| ***Chord spelling* dalam nada B♭ Major** | |
|---|---|
| **Kord** | **Not** |
| I | B♭, D, F |
| IV | E♭, G, B♭ |
| V | F, A, C |

### Pengenalan *Chord Spelling*

*Chord spelling* ialah menamakan setiap not yang terdapat dalam binaan sesuatu kord.

### Binaan Melodi Berasaskan *Chord Tones*

*Chord tones* ialah not-not yang terdapat dalam sesuatu kord. Contoh kord primer dalam nada G Major.

| Kord | Kord dalam huruf roman | Not |
|---|---|---|
| G Major | I | G, B, D |
| C Major | IV | C, E, G |
| D Major | V | D, F#, A |

Contoh melodi yang dihasilkan dari *chord tones*.




Setiap bar mengandungi not yang terdapat dalam kord tersebut. Contohnya melodi yang terdapat pada bar pertama ialah G, B, D, dan B, iaitu not-not yang terdapat dalam kord G.

**Nota Guru**

4.1.1, 4.1.2
- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Murid dikehendaki membuat setiap latihan di dalam buku latihan.





## LATIHAN

Berdasarkan pergerakan kord di bawah, hasilkan melodi berdasarkan penghasilan melodi melalui *chord tones.*

**a Nada C Major**




**b Nada G Major**




**c Nada F Major**




**d Nada D Major**



## PENILAIAN

### Ensembel Nyanyian

EMK

1. Jelaskan teknik *staccato* secara ringkas dalam bentuk peta i-Think.
2. Persembahkan lagu Masa secara ensembel dengan mengaplikasikan teknik artikulasi yang betul.

### Ensembel Muzik

Mencipta

3. Tandakan penjarian gitar skel B minor harmonik pada carta di bawah.



4. Tulis dan mainkan penjarian gitar skel B minor harmonik.



5. Berdasarkan skor di bawah, persembahkan lagu Terbang Tinggi secara ensembel. Ciptakan iringan *strumming* untuk mengiringi lagu tersebut.

Mencipta




### Notasi Muzik

6. Namakan setiap pic yang bertanda *.

a



b



7. Notasikan setiap not pada baluk yang disediakan.

a 

**Not A**
pada garisan (krocet)

b 

**Not B**
pada ruang (kuaver)

c 

**Not C**
pada ruang (semikuaver)

d 

**Not D**
pada garisan
(krocet bertitik)

e 

**Not E**
pada garis leger
(minim bertitik)

f 

**Not G**
pada garisan
(semibrif bertitik)

## Penghasilan Muzik

8. Berdasarkan kord yang diberi:
   (a) Senaraikan not-not yang terdapat di dalam kord di bawah.
   (b) Notasikan kord pada baluk yang disediakan.

| Kord | *Chord spelling* | Notasikan kord |
|---|---|---|
| C Major | Contoh: C E G |  |
| G Major | |  |
| F Major | |  |
| D Major | |  |
| B♭ Major | |  |

9. Ciptakan melodi 16 bar dengan menggunakan elemen berikut:

Mengaplikasi

   (a) Not minim, krocet bertitik, kuaver dan tanda rehat krocet.
   (b) Kaedah pengulangan dan imitasi.
   (c) Tanda dinamik.
   (d) Mainkan corak irama yang dicipta dengan menggunakan alat muzik pilihan.




Tandakan tahap penguasaan anda berdasarkan meter pencapaian.

- Menguasai lagu nyanyian dengan teknik artikulasi yang betul.
- Memainkan alat muzik berdasarkan skor dengan pic yang betul, ton yang sesuai, irama yang betul dan tempo yang betul.
- Membaca dan menulis not dalam klef bes sehingga 2 garisan leger.
- Mencipta melodi mudah dalam nada Major menggunakan meter $\frac{3}{4}$, $\frac{4}{4}$ berdasarkan not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semikuaver serta tanda rehat dan mempersembahkan hasil ciptaan.

# Unit 5

# TEKNOLOGI MENYATUPADUKAN




Teknologi 5G akan mula dilancarkan di Malaysia pada tahun 2021 sekali gus menjadikan negara ini antara negara pertama di Asia dan dunia melaksanakan 5G.



## Standard Pembelajaran

**Pada akhir pembelajaran ini, murid boleh:**

**1.1 Bernyanyi Secara Ensembel**

1.1.1 Bernyanyi lagu dua lapisan suara dengan:
(iii) tempo yang betul.

**2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensembel**

2.1.2 Memainkan alat muzik secara ensembel dengan teknik yang betul.

**3.1 Asas Notasi Muzik**

3.1.5 Menulis dan menganalisis skel dalam klef trebel secara menaik dan menurun dalam:
(i) D Major (1 oktaf).
(ii) B♭ Major (1 oktaf).
(iii) B minor harmonik (1 oktaf).
(iv) G minor harmonik (1 oktaf).
(v) C pentatonik (1 oktaf).

**4.1 Pengkaryaan Muzik**

4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada major menggunakan:
(i) meter $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$
(ii) not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semikuaver serta tanda rehat.

4.1.2 Mempersembahkan hasil ciptaan.

Durasi pembelajaran 60

## BERNYANYI DENGAN TEMPO YANG BETUL

Dalam pembelajaran lepas, anda telah pun mengetahui tentang tempo dan nama-nama tempo mengikut kelajuannya dalam *beats per minute* (bpm).

Irama yang betul, nilai not yang mencukupi dan detik yang stabil dipengaruhi oleh tempo yang betul. Nyanyian yang baik dipengaruhi oleh pic, irama dan tempo yang betul. Oleh sebab itu, amat penting untuk anda menguasai tempo yang terutamanya Idalam ensembel nyanyian.

**Cara bernyanyi dengan tempo yang betul**

1. Penggunaan *metronome* sangat membantu dalam meningkatkan penguasaan tempo ketika bernyanyi.
2. Latihan yang kerap dengan muzik iringan dapat membantu anda menguasai tempo yang betul ketika bernyanyi. Contohnya penggunaan rentak daripada keyboard atau alat muzik lain.
3. Dengar muzik, kenal pasti dan rasai detik lagu dengan cara menepuk detik atau memetik jari mengikut kiraan.



**Nota Guru**

1.1.1 (iii)

- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Bimbing murid bernyanyi lagu Informasi di Hujung Jari dengan tempo yang betul.
- Bimbing murid bernyanyi lagu Informasi di Hujung Jari baris demi baris.
- Murid bernyanyi sambil menepuk detik pada lagu dalam tempo yang berbeza.



### Latihan Nyanyian

Nyanyikan melodi berikut sambil menepuk detik pertama dan ketiga berdasarkan tempo yang didengar pada audio.

**Latihan Nyanyian 13** — Audio 56




**Latihan Nyanyian 14** — Audio 57




**Latihan Nyanyian 15** — Audio 58




**Latihan Nyanyian 16** — Audio 59



## MARI BERNYANYI

Nyanyikan suara 1 lagu Informasi di Hujung Jari diikuti dengan suara 2. Setelah mahir kedua-dua suara, nyanyikan secara ensembel dengan menggunakan tempo yang betul.

### INFORMASI DI HUJUNG JARI

♩ = 120

Ciptaan: Rosman Adam







Audio 60 — Suara 1 dan Suara 2

Audio 61 — Suara 1

Audio 62 — Suara 2

Audio 63 — Minus One

Durasi pembelajaran 60

## Kenali Kord Primer dalam Nada G Minor

Mainkan kord primer dalam nada G minor yang terdiri daripada kord G minor, kord C minor dan kord D Major.

**Rajah 5.1** Carta kord dalam nada G minor.

| Numerasi roman | i | ii° | III | iv | V | VI | vii° |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kord | Gm | Adim | B♭ | Cm | D | E♭ | F♯dim |

Kord yang diwarnakan ialah kord primer bagi nada G minor.

Gm





Cm





D





Penjarian kord primer dalam nada G minor.



## Penjarian Gitar Skel G Minor Harmonik







## Cadangan AKTIVITI

Mengaplikasi

Mainkan skel G minor harmonik dengan penjarian yang betul.




Tandakan tahap penguasaan anda. **Mahir** ◯ **Hampir mahir** ◯ **Sederhana mahir** ◯

**Nota Guru**

2.1.1 (i)(ii)(iii)(iv) 2.1.2

- Durasi pembelajaran selama 120 minit.
- Bimbing murid mengenal pasti ton yang sesuai.
- Bimbing murid bermain gitar dengan irama, pic dan tempo yang betul.

## Latihan Ensembel Gitar

### Latihan Ensembel Gitar 7

Audio 64

Mainkan lagu Klik Informasi secara solo dengan tempo yang betul.

**KLIK INFORMASI**




### Latihan Ensembel Gitar 8

Audio 65

Mainkan lagu Klik Informasi secara esembel dengan tempo yang betul.

**KLIK INFORMASI**








## SKEL MAJOR DAN SKEL MINOR

Skel ialah susunan lapan not yang dimainkan secara berturutan dalam satu tanda nada mengikut langkah tertentu sama ada secara menaik, menurun atau menaik dan menurun. Skel boleh ditulis dengan tanda nada atau tanpa tanda nada.

Dalam skel major, jarak not ketiga dan not keempat serta jarak not ketujuh dan not kelapan ialah semiton.

### Skel D Major




Skel D Major dengan Tanda Nada




Skel D Major Tanpa Tanda Nada




### Skel B♭ Major




Skel B♭ Major dengan Tanda Nada




Skel B♭ Major Tanpa Tanda Nada




**Nota Guru**

3.1.5, 3.1.6
- Bimbing murid menulis dan menganalisis skel dalam klef trebel secara menaik dan menurun.
- Murid dikehendaki membuat setiap latihan di dalam buku latihan.

Dalam skel minor harmonik, jarak not kedua dan ketiga, jarak not kelima dan keenam serta jarak not ketujuh dan kelapan ialah semiton.

### Skel B Minor Harmonik




Skel B Minor Harmonik dengan Tanda Nada

Menaik




Menurun




Skel B Minor Harmonik Tanpa Tanda Nada

Menaik




Menurun




### Skel G Minor Harmonik




Skel G Minor Harmonik dengan Tanda Nada

Menaik




Menurun




Skel G Minor Harmonik Tanpa Tanda Nada

Menaik




Menurun




Skel pentatonik terdiri daripada lima not, iaitu 1, 2, 3, 5 dan 6. Not yang keempat dan ketujuh tidak dimainkan dalam pentatonik.

### Skel C Pentatonik




Menaik




Menurun




## LATIHAN

1. Nyanyikan setiap skel Major dan skel minor berikut secara *humming* atau sebutan "la".

(a) Skel D Major menaik




(b) Skel B♭ Major menaik




(c) Skel D Major menurun




(d) Skel B♭ Major menurun




2. Nyanyikan skel berikut.

(a) Skel B minor harmonik menaik




(b) B minor harmonik menurun




(c) G minor harmonik menaik




(d) G minor harmonik menurun



3. Suaikan skel Major dan minor berdasarkan tanda nada yang diberi.

| Skel Major | Tanda nada | Skel minor |
|---|---|---|
| G Major |  | E minor |
| D Major |  | B minor |
| F Major |  | D minor |
| B♭ Major |  | G minor |
| C Major |  | A minor |

4. Namakan skel berdasarkan penjarian keyboard di bawah.

a  ____________

b  ____________

c  ____________

d  ____________



# AKTIVITI PENCIPTAAN VARIASI MELODI BERASASKAN PERGERAKAN KORD

## Melodi Asal

Contoh melodi yang dihasilkan daripada *chord tones*, iaitu setiap bar mengandungi not yang terdapat dalam kord tersebut.




### Variasi 1

Variasi melodi dengan mengubah beberapa nilai not asal pada nilai not baru tanpa mengubah melodi asal.




### Variasi 2

Penggunaan not bukan *chord tones* adalah untuk membentuk aliran melodi yang lebih menarik.




## LATIHAN

1. Ciptakan melodi 8 bar berdasarkan pergerakan kord yang diberi dengan menggunakan elemen berikut:
   (a) Meter $\frac{4}{4}$.
   (b) Menggunakan nilai not 𝅗𝅥., ♩, ♪., 𝅘𝅥𝅯 dan tanda rehat.
   (c) Memasukkan simbol dinamik yang sesuai.







**TIP**
Permulaan melodi tidak semestinya bermula dengan not tonik.

## PENILAIAN

### Ensembel Nyanyian

Menganalisis

1. Pada pendapat anda, apakah akibat jika bernyanyi tanpa mengikut tempo?
2. Nyanyikan lagu pilihan anda dengan menggunakan tempo yang betul.

### Ensembel Muzik

Mencipta

3. Berdasarkan lagu Informasi di Hujung Jari, cipta iringan *strumming* dan persembahkan lagu tersebut secara ensembel.

#### INFORMASI DI HUJUNG JARI

♩ = 120

Ciptaan: Rosman Adam




### Notasi Muzik

4. Jawab soalan berikut berpandukan rajah keyboard di bawah.



(a) Namakan skel dalam rajah di atas.
(b) Notasikan skel di atas ke dalam baluk tanpa tanda nada.

**Nota Guru**

- Rujuk muka surat 88-89 untuk melihat skor penuh.

5. Notasikan skel berikut menggunakan corak irama di bawah.

(a) Skel D Major menaik dengan tanda nada.



(b) Skel G minor harmonik menurun dengan tanda nada.



### Penghasilan Muzik

6. Ciptaan melodi 8 bar berdasarkan pergerakan kord dengan menggunakan elemen-elemen seperti di bawah:
   (a) Nada B♭ Major.
   (b) Meter $\frac{3}{4}$ atau $\frac{4}{4}$.
   (c) Menggunakan jenis not, tanda rehat, tanda isyarat dan terminologi yang pernah dipelajari.
   (d) Memasukkan simbol dan terminologi muzik yang sesuai.

7. Analisa dan ulaskan hasil ciptaan kepada rakan secara bergilir-gilir.

Tandakan tahap penguasaan anda berdasarkan meter pencapaian.

- Menguasai lagu nyanyian dua lapisan suara dengan tempo yang betul.
- Memainkan alat muzik secara ensembel dengan teknik yang betul.
- Menulis dan menganalisis skel dalam klef trebel secara menaik dan menurun dalam D major (1 oktaf), Bb major (1 oktaf), B minor harmonik (1 oktaf), G minor harmonik (1 oktaf), C pentatonik (1 oktaf) serta mengenal pasti dan membezakan skel major dan minor.
- Mencipta melodi mudah dalam nada major menggunakan meter $\frac{3}{4}$, $\frac{4}{4}$ berdasarkan not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semikuaver serta tanda rehat dan mempersembahkan hasil ciptaan.

# Unit 6

# DIMENSI BUDAYA



"Budaya itu jati diri kita, tanpa budaya lenyaplah keagungan bangsa."
(Syaraff Alwi, 2019)

## Standard Pembelajaran

**Pada akhir pembelajaran ini, murid boleh:**

**1.1 Bernyanyi Secara Ensembel**

1.1.4 Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni dalam persembahan ensembel nyanyian:
(i) sebelum, semasa dan selepas latihan.
(ii) sebelum, semasa dan selepas persembahan.

**2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensembel**

2.1.3 Memainkan alat muzik secara ensembel dengan mengaplikasikan dinamik yang sesuai berdasarkan skor.

**3.1 Asas Notasi Muzik**

3.1.7 Menulis kord primer dalam klef trebel pada kedudukan perdu bagi nada:
(i) D Major (ii) $B^\flat$ Major
(iii) B minor (iv) G minor

**4.1 Pengkaryaan Muzik**

4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada Major menggunakan:
(i) meter $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$
(ii) not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semikuaver serta tanda rehat.

4.1.2 Mempersembahkan hasil ciptaan.

4.1.3 Mengamalkan nilai murni dalam penghasilan karya.

**5.1 Penghayatan Muzik daripada Pelbagai Genre**

5.1.1 Menganalisis dan memberi pendapat tentang muzik Asia Tenggara yang didengar atau ditonton meliputi aspek asas berikut:
(i) genre muzik.
(ii) latar belakang muzik.
(iii) alat muzik.
(iv) fungsi muzik.
(v) bentuk muzik.
(vi) cara persembahan.

## ETIKA PERSEMBAHAN DAN NILAI MURNI DALAM PERSEMBAHAN NYANYIAN

Mengamalkan etika persembahan yang baik dapat membentuk disiplin dan menghasilkan sebuah persembahan yang berkualiti. Etika persembahan nyanyian dapat dibahagikan seperti berikut:

(a) Sebelum, semasa dan selepas latihan.
(b) Sebelum, semasa dan selepas persembahan.

### Etika Latihan

**Sebelum latihan**

- Bersedia awal sebelum latihan bermula.
- Bawa skor nyanyian.
- Buat latihan untuk memahirkan nyanyian masing-masing.
- Buat latih tubi pada bahagian yang lemah.
- Lakukan pemanasan suara dan latihan vokal.

**Semasa latihan**

- Patuh arahan konduktor atau ketua.
- Baiki kelemahan yang ditegur.
- Buat catatan bagi perkara-perkara yang dimaklumkan contohnya dinamik pada skor.

**Selepas latihan**

- Ambil maklum segala perkara semasa latihan.
- Ucap terima kasih kepada ketua selepas diberi taklimat ringkas.
- Pastikan semua suis ditutup dan kemas bilik latihan sebelum meninggalkan bilik latihan.

### Etika Persembahan

**Sebelum persembahan**

- Pastikan latihan mencukupi.
- Jaga suara dengan minum air yang mencukupi.
- Buat penyesuaian pentas dan keseimbangan suara berdasarkan akustik tempat persembahan.

**Semasa persembahan**

- Berbaris di tempat yang disediakan.
- Sentiasa fokus dan bersedia.
- Tidak menunjukkan sebarang reaksi atau raut wajah negatif sekiranya berlaku kesilapan.
- Bergerak keluar pentas dalam keadaan tertib.

**Selepas persembahan**

- Ucapkan terima kasih sebagai penghargaan kepada ketua dan ahli persembahan.
- Simpan kelengkapan persembahan dengan baik seperti kostum dan props di tempat asalnya.

**Nota Guru**

1.1.4
- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Bimbing murid bernyanyi dengan mengamalkan etika persembahan yang betul.
- Menerapkan nilai murni dalam persembahan ensembel nyanyian.



## Peranan Konduktor dalam Ensembel Nyanyian

Konduktor atau pemimpin memainkan peranan penting dalam nyanyian secara ensembel. Selain memimpin kumpulan nyanyian, konduktor menzahirkan manifestasi sesuatu ciptaan karya kepada persembahan nyanyian, sebagaimana yang diaspirasikan oleh pencipta atau penggubah karya tersebut.

Konduktor akan memastikan ahli kumpulannya mematuhi disiplin dan etika, bernyanyi dengan pic yang tepat, mengikut teknik dan tempo yang betul, ekspresi serta aspek-aspek lain dalam nyanyian secara ensembel.

Konduktor juga perlu mahir dalam gerak isyarat semasa memimpin. Antaranya ialah:

1. Ekspresi atau dinamik dalam nyanyian.
2. Isyarat mula atau *cue* untuk memulakan nyanyian atau sesuatu frasa melodi.
3. Bahagian yang sukar dalam karya seperti pic tinggi atau corak irama yang kompleks.
4. Isyarat tamat atau *cutoffs* untuk menamatkan frasa melodi atau nyanyian.

**INFO MUZIK**

**Antara pertandingan koir peringkat dunia:**

- Golden Voices of Montserrat
- Concorso Corale Internazionale
- Budapest International Choral Festival
- Harrogate International Youth Festival
- Cork International Choral Festival
- Venezia in Musica Festival
- Mayo International Choral Festival

**IMBAS DI SINI**

https://www.youtube.com/watch?v=96U3BXjmZfc

**Cadangan AKTIVITI**

Layari Internet untuk mencari maklumat teknik asas konduktor dalam koir.



**Nota Guru**

- Layari laman sesawang yang diberi untuk menonton video Koir Kebangsaan Malaysia. (Dicapai pada 10 Jun 2019)

## MARI BERNYANYI

Nyanyikan suara 1 lagu Inang Sumazau diikuti dengan suara 2. Setelah mahir kedua-dua suara, nyanyikan secara ensembel dengan menggunakan teknik-teknik nyanyian yang telah dipelajari.

### INANG SUMAZAU

♩ = 100

Ciptaan: Rosman Adam







Audio 66 — Suara 1 dan Suara 2

Audio 67 — Suara 1

Audio 68 — Suara 2

Audio 69 — Minus One

# TEKNIK BERMAIN GITAR

## *Hammer*



IMBAS DI SINI

http://arasmega.com/qr-link/teknik-hammer/

Terdapat dua jenis teknik *hammer*, iaitu *hammer on* dan *pull off*.

a. ***Hammer on*** ialah teknik yang menggunakan dua jari dalam satu petikan dengan jari diketuk ke atas untuk menghasilkan *slur*.

b. ***Pull off*** ialah teknik memetik jari ke bawah dalam satu petikan untuk bermain dengan artikulasi.

## *Slide*



IMBAS DI SINI

http://arasmega.com/qr-link/teknik-slide/

Teknik ini menggunakan kaedah meluncurkan atau menggeserkan jari pada tali di papan *fret* untuk memainkan not yang lebih tinggi dan meluncur kembali kepada pic normal.

Bunyi yang dihasilkan hampir sama dengan teknik *hammer* tetapi *slide* dengan meluncurkan jari pada not yang lebih tinggi.

**INFO MUZIK**

*Bending* ialah salah satu teknik bermain gitar. Teknik ini dimainkan dengan cara menukar not tanpa perlu menggerakkan jari ke fret yang lain.



## Cadangan AKTIVITI

Mainkan melodi lagu di bawah dengan mengaplikasikan teknik *hammer*.




Tandakan tahap penguasaan anda. Mahir ◯ Hampir mahir ◯ Sederhana mahir ◯

**Nota Guru**

2.1.1 (i)(ii)(iii)(iv)
2.1.2

- Durasi pembelajaran selama 120 minit.
- Bimbing murid bermain gitar dengan teknik yang betul.
- Bimbing murid memahirkan kord yang dipelajari.

**Nota Guru**

- Guru menunjuk teknik *hammer* yang betul kepada murid.
- Bimbing murid untuk memahirkan teknik tersebut untuk mengiringi lagu.

## Latihan Gitar

Audio 70

### Latihan Gitar Bes 3

Berdasarkan skor berikut, mainkan bahagian bes dengan mengaplikasikan teknik-teknik yang telah dipelajari.




## Latihan Ensembel Gitar

Audio 71

### Latihan Ensembel Gitar 9

Bahagikan kepada tiga kumpulan untuk memainkan gitar mengiringi lagu Bersatu Kita agar permainan ensembel gitar menghasilkan keseimbangan bunyi yang baik.

**BERSATU KITA**

Ciptaan: M. Syaraff








# ENSEMBEL KULINTANG



## Latar Belakang Muzik

Kulintang ialah sejenis alat muzik tradisional Filipina yang dipopularkan oleh masyarakat Maguindanao dan Mindanao.

Alat muzik ini terdiri daripada gong-gong kecil yang diletakkan secara mendatar dan diiringi oleh gong-gong besar yang tergantung dan sebuah gendang.

Kulintang telah dimainkan selama berabad-abad lamanya di Kepulauan Filipina, Indonesia Timur (Kolintang), Malaysia Timur (Kulintangan) dan Maluku (Totobuang). Kesemua ini mempunyai persamaan dari segi bentuk dan cara dipersembahkan.

**INFO MUZIK**

Kayu pemukul kulintang yang lembut dikenali sebagai basal.

## Alat Muzik

Kulintang terdiri daripada lapan gong kecil yang disusun melintang mengikut pic. Pic rendah akan berada di sebelah kiri dan pic tinggi di sebelah kanan. Gong-gong ini diikat secara selari merentangi sebuah bingkai kayu atau rotan yang dikenali sebagai "antangan" bagi masyarakat Maguindanao dan "langkonga" bagi masyarakat Mindanao.

Setiap satu gong kecil mempunyai namanya tersendiri. Ensembel kulintang Mindanao dimulai dengan gong yang mempunyai pic rendah, iaitu *Kundongan, Mamals, Mananggisa, Sagorongan, Lomalis, Romapunut, Romingkar,* dan *Anonan* untuk gong yang mempunyai pic paling tinggi.

Ensembel kulintang Maguindanao mempunyai gong kecil berpic rendah yang dinamakan *pangandungan* dan gong mempunyai pic tinggi yang dinamakan *panentekan*.



**IMBAS DI SINI**

http://arasmega.com/qr-link/ensembel-kulintang/

**Nota Guru**

5.1.1

- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Layari laman sesawang yang diberi untuk menonton video persembahan ensembel Kulintang. (Dicapai pada 10 Jun 2019)

## Fungsi Muzik

Muzik kulintang berfungsi sebagai alat penyatuan sesebuah masyarakat. Kulintang selalunya dipersembahkan ketika majlis-majlis rasmi, mengiringi tarian, sambutan hari lahir, majlis perkahwinan dan menyambut jemaah haji. Kulintang juga turut dimainkan sebagai hiburan keluarga dan hiburan santai selepas makan malam. Selain hiburan, kulintang dimainkan untuk mengiringi upacara penyembuhan penyakit.

## Bentuk Muzik

Tontoni persembahan lagu *Sinulog a Kamamatuan Ver.* 2 pada *QR code* di sebelah. Tiada bentuk yang tetap untuk lagu kulintang bergantung kepada kreativiti pemain.

**IMBAS DI SINI**

http://arasmega.com/qr-link/sinulog-a-kamamatuan/

## Cara Persembahan

Secara tradisionalnya ensembel kulintang Maguindanao akan diiringi oleh agung (dua gong besar), gandingan (empat gong besar), dabakan (gendang) dan babandil (satu gong). Alat muzik ensembel kulintang Mindanao sama dengan ensembel kulintang Maguindanao kecuali alat muzik gandingan.



Agung Babandil Gandingan Dabakan





## KORD PRIMER

Pergerakan kord berlaku apabila satu kord bergerak ke kord yang lain. Pergerakan kord yang lazim digunakan ialah pergerakan kord primer. Kord primer ialah kord yang dibina dari not pertama, keempat dan kelima dari sesuatu skel.

**Kord Primer dalam Skel D Major**




Kord primer ialah kord yang dibina atas not 1, 4 dan 5 dalam sesuatu skel.




Kord I (D Major)




Kord IV (G Major)




Kord V (A Major)

**Kord Primer dalam Skel B♭ Major**




Kord primer ialah kord yang dibina atas not 1, 4 dan 5 dalam sesuatu skel.




Kord I (B♭ Major)




Kord IV (E♭ Major)




Kord V (F Major)

**Kord Primer dalam Skel B Minor**




Kord primer ialah kord yang dibina atas not 1, 4 dan 5 dalam sesuatu skel.



Kord i (B minor)



Kord iv (E minor)



Kord V (F♯ Major)

**Kord Primer dalam Skel G Minor**




Kord primer ialah kord yang dibina atas not 1, 4 dan 5 dalam sesuatu skel.



Kord i (G minor)



Kord iv (C minor)



Kord V (D Major)

**Nota Guru**

3.1.5, 3.1.6

- Bimbing murid menulis dan menganalisis skel dalam klef trebel secara menaik dan menurun.
- Murid dikehendaki membuat setiap latihan di dalam buku latihan.

## LATIHAN

1. Kenal pasti setiap kord primer berikut dan namakan dengan huruf roman.

a


b


c


d


2. Berdasarkan tanda nada yang diberi, notasikan kord primer di dalam kedudukan perdu menggunakan not semibrif.

| Tanda nada | Nada | Kord primer |
|---|---|---|
|  | (a) _______ Major |  |
| | (b) _______ minor |  |
|  | (c) _______ Major |  |
| | (d) _______ minor |  |

## PENGHASILAN MELODI BERDASARKAN IMPROVISASI

Improvisasi ialah satu cara atau kaedah mengubah, menukar dan melakukan variasi melodi asal tanpa mengubah motif dalam frasa melodi tersebut. Improvisasi berlaku dalam pelbagai bentuk terutamanya pada perubahan corak irama dan pic. Komposer haruslah berwaspada ketika melakukan improvisasi tanpa menghilangkan idea melodi asal.

### Improvisasi dengan Menukar Corak Irama

Nilai not krocet pada detik kedua dan keempat pada bar 1 telah ditukar kepada nilai not kuaver pada corak irama yang baru. Nilai not minim pada detik pertama dan kedua bar dua juga telah ditukar pada nilai not krocet dan kuaver.

**Melodi asal**



**Hasil improvisasi**



### Improvisasi Penyusunan Semula Pic

Corak irama asal dikekalkan tetapi semua pic ditukar ke pic yang baru.

**Melodi asal**



**Hasil improvisasi**



### Improvisasi dengan Melakukan Variasi pada Melodi Asal

Nilai not dan pic berubah mengikut kesesuaian dan kehendak komposer untuk menghasilkan melodi yang lebih menarik.

**Melodi asal**



**Hasil improvisasi**



**Nota Guru**

4.1.1, 4.1.2
- Durasi pembelajaran selama 60 minit.





### LATIHAN

Berdasarkan keratan melodi di bawah, lakukan improvisasi dalam nada major seperti di bawah.

**a Nada C Major**

Melodi asal



Improvisasi dengan menukar corak irama



**b Nada G Major**

Melodi asal



Improvisasi penyusunan semula pic



**c Nada F Major**

Melodi asal



Improvisasi dengan melakukan variasi pada melodi asal



## PENILAIAN

### Ensembel Nyanyian

EMK

1. Bincangkan kesan sekiranya ahli kumpulan tidak mengamalkan etika persembahan dan nilai murni dalam persembahan nyanyian. Persembahkan jawapan anda dalam bentuk peta i-Think.

### Ensembel Muzik

Mencipta

2. Berdasarkan keratan lagu berikut, ciptakan *strumming* dan persembahkan lagu Bersatu Kita secara ensembel.




### Notasi Muzik

Mengaplikasi

3. Notasikan kord berikut berdasarkan tanda nada yang diberi.

a. 
Kord I

b. 
Kord IV

c. 
Kord V

d. 
Kord i

**Nota Guru**

- Rujuk muka surat 111-112 untuk membuat latihan ensembel muzik.

### Apresiasi Muzik

EMK

4. Bentukkan kumpulan seramai tiga hingga empat orang. Sediakan sebuah folio berkaitan dengan ensembel kulintang. Dapatkan maklumat melalui media massa dan media cetak, kemudian bentangkan di hadapan rakan-rakan anda.

### Penghasilan Muzik

Menganalisis dan Mencipta

5. Berdasarkan melodi di bawah, ciptakan melodi baru dengan mengekalkan corak irama asal.



Tandakan tahap penguasaan anda berdasarkan meter pencapaian.

- Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni dalam persembahan ensembel nyanyian sebelum, semasa dan selepas latihan persembahan.
- Memainkan alat muzik secara ensembel dengan mengaplikasikan dinamik yang sesuai berdasarkan skor.
- Menulis kord primer dalam klef trebel pada kedudukan perdu bagi nada D Major, B♭ Major, B minor dan G minor.
- Menganalisis dan memberi pendapat tentang muzik Asia Tenggara yang didengar atau ditonton meliputi aspek genre muzik, latar belakang muzik, alat muzik, fungsi muzik, bentuk muzik dan cara persembahan.
- Mencipta melodi mudah dalam nada Major menggunakan meter $\frac{3}{4}$ dan $\frac{4}{4}$ berdasarkan not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semikuaver serta tanda rehat dan mempersembahkan hasil ciptaan serta mengamalkan nilai murni dalam penghasilan karya.

# Unit 7

# GAPAI IMPIANMU



"Setiap sesuatu yang sukar, pasti manisnya menanti.
Capai impianmu walau sukar sekalipun."
(Wan Mazni, 2019)

Pendaki berada di puncak gunung.



## Standard Pembelajaran

**Pada akhir pembelajaran ini, murid boleh:**

**1.1 Bernyanyi Secara Ensembel**

1.1.3 Membuat persembahan ensembel nyanyian dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran muzik.

**2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensembel**

2.1.3 Memainkan alat muzik secara ensembel dengan mengaplikasikan dinamik yang sesuai berdasarkan skor.

**3.1 Asas Notasi Muzik**

3.1.8 Mengenal pasti dan membezakan kord Major dan kord minor.

**4.1 Pengkaryaan Muzik**

4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada Major menggunakan:

(i) meter $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$

(ii) not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semikuaver serta tanda rehat.

4.1.2 Mempersembahkan hasil ciptaan.

4.1.3 Mengamalkan nilai murni dalam penghasilan karya.

Durasi pembelajaran 60



# PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM NYANYIAN

Dalam pembelajaran yang lepas, anda telah memperoleh pelbagai pengetahuan dan kemahiran dalam nyanyian. Penguasaan kemahiran dan teknik nyanyian yang betul dapat membantu anda untuk menghasilkan sesuatu persembahan nyanyian yang baik dan berkualiti. Tiga komponen yang diberikan fokus pada kali ini ialah pic, dinamik, dan tempo yang betul.



| | |
|---|---|
| **Pic** | Bernyanyi dengan pic yang betul berdasarkan not-not dalam melodi lagu agar nyanyian tidak sumbang. |
| **Dinamik** | Ekspresi dalam nyanyian dapat dihasilkan menerusi pengaplikasian dinamik yang sesuai. |
| **Tempo** | Bernyanyi dengan tempo yang betul penting agar nilai not yang dinyanyikan mencukupi, menepati corak irama, serta bernyanyi dengan detik yang stabil. |

Selain itu, penyanyi juga digalakkan untuk menguasai julat suara, iaitu antara not paling rendah dan not paling tinggi yang dinyanyikan. Kenal pasti julat suara selesa (tessitura) melalui latihan vokal berkala dengan bimbingan yang betul.

**INFO MUZIK**

*Tessitura* berasal daripada bahasa Itali yang bermaksud julat suara paling selesa. Selain itu, *tessitura* juga merujuk kepada julat bunyi sesuatu instrumen muzik yang menghasilkan warna ton terbaik bagi pic paling rendah atau pic paling tinggi.

**Cadangan AKTIVITI**

Pernafasan, artikulasi dan frasa juga penting dalam kemahiran nyanyian. Secara berpasangan, cari maklumat berkaitan dengan perkara tersebut dan nyatakan kepentingannya dalam kemahiran nyanyian.

Tandakan tahap penguasaan anda. Mahir ◯ Hampir mahir ◯ Sederhana mahir ◯

## Latihan Nyanyian

Lakukan latihan pemanasan suara.

### Latihan Nyanyian 17 : Pemanasan suara 1

Audio 72

Nyanyikan skel berikut.




### Latihan Nyanyian 18 : Pemanasan suara 2

Audio 73

Nyanyikan *arpeggio* berikut.




### Latihan Nyanyian 19 : Pemanasan suara 3

Audio 74

Tepuk corak irama berikut, kemudian dengar audio dan ajuk frasa melodi.




**Nota Guru**

1.1.3
- Durasi pembelajaran selama 60 minit.
- Bimbing murid bernyanyi lagu Terbanglah dengan teknik yang betul.
- Bimbing murid mengaplikasikan kemahiran dan teknik nyanyian yang telah dipelajari.

## MARI BERNYANYI

Setelah melakukan pemanasan suara, nyanyikan pula lagu Terbanglah dengan menggunakan pic, dinamik dan tempo yang betul mengikut skor yang diberikan.

### TERBANGLAH

♩ = 130

Lagu dan lirik:
Rosman Adam & M. Syaraff







Audio 75 Suara 1 dan Suara 2

Audio 76 Suara 1

Audio 77 Suara 2

Audio 78 Minus One

## PERMAINAN ENSEMBEL GITAR

Berdasarkan lagu di bawah, aplikasikan pengetahuan dan kemahiran muzik yang telah anda pelajari. Persembahkan lagu ini dengan mengamalkan etika persembahan dan nilai murni sebagai seorang ahli dalam ensembel.

### *FLY ME TO THE MOON*

♩ = 130

Gubahan: M. Syaraff







**Nota Guru**

2.1.1 (i)(ii)(iii)(iv)
2.1.2

- Durasi pembelajaran selama 120 minit.
- Bimbing murid bermain gitar dengan teknik yang betul.
- Bimbing murid memahirkan kord yang dipelajari.


17
B
Am
Dm
G7
C
F
22
To Coda
Bm7
E7
A7
Dm
G7


27
D.S. al Coda
Em
A7
Dm
G7
C
32
Fine
Em
A7
Dm
G7
C

Audio 79

Durasi pembelajaran 60

## KENAL PASTI KORD MAJOR DAN KORD MINOR

Rajah di bawah menerangkan perbezaan antara kord Major dan kord minor.

### Kord Major

**Kord G Major**

dengan tanda nada



atau

tanpa tanda nada






| Jarak not 1 ke not 3 = **4 semiton** | Jarak not 3 ke not 5 = **3 semiton** |
|---|---|

Jeda atau jarak antara dua not dalam kord.

Jarak antara not G ke not B = 4 semiton
Jarak antara not B ke not D = 3 semiton

### Kord minor

**Kord G minor**

dengan tanda nada



atau

tanpa tanda nada






| Jarak not 1 ke not 3 = **4 semiton** | Jarak not 3 ke not 5 = **3 semiton** |
|---|---|

Jeda atau jarak antara dua not dalam kord.

Jarak antara not G ke not B♭ = 3 semiton
Jarak antara not B♭ ke not D = 4 semiton



## LATIHAN

Audio 80

1. Dengar dan namakan bunyi kord Major dan kord minor di bawah.




2. Namakan setiap kord yang dimainkan berikut.

**Contoh:**




3. Notasikan kord-kord di bawah menggunakan not semibrif dengan tanda nada.




a C Major b E minor c F Major d B minor

4. Notasikan kord-kord di bawah menggunakan not semibrif tanpa tanda nada.




a A minor b B♭ Major c D Major d D minor

**Nota Guru**

3.1.8 • Murid dikehendaki membuat setiap latihan di dalam buku latihan.

Durasi pembelajaran 60

## BERKARYA SECARA KREATIF

Asas penerokaan bunyi dikaitkan dengan kreativiti meneroka permainan alat muzik mahupun nyanyian. Kaedah penciptaan melodi haruslah dikuasai agar dapat mencipta karya muzik yang baru dan berkualiti. Penghasilan karya yang kreatif memerlukan idea, eksplorasi, imaginasi dan kreativiti.




### Cadangan AKTIVITI

a. Anda diberikan tugasan untuk mengkaji melodi lagu rakyat. Sediakan satu skor lagu rakyat yang mempunyai melodi dan lirik. Analisis semula pergerakan melodi dan corak irama pada lagu tersebut berdasarkan aspek-aspek di atas.

b. Berdasarkan aspek penciptaan melodi di atas, cipta sebuah lagu baharu sekurang-kurangnya 16 bar dengan memilih empat aspek yang terdapat pada skor lagu yang dikaji. Bentangkan hasil kerja anda.

Tandakan tahap penguasaan anda. **Mahir** ◯ **Hampir mahir** ◯ **Sederhana mahir** ◯



## LATIHAN

### Mengenal Pasti Frasa Melodi

1. Berdasarkan keratan puisi di bawah,
   (a) Bina corak irama dengan meletakkan nilai not pada setiap suku kata perkataan.
   (b) Kemudian, masukkan pic mengikut skel dalam nada Major.
   (c) Hasilkan melodi dengan frasa yang betul mengikut suku kata perkataan pada puisi yang disediakan.
   (d) Tuliskan tanda frasa pada melodi ciptaan tersebut pada skor dalam nada G Major dan meter $\frac{4}{4}$. Tambahkan bar sekiranya tidak mencukupi.

Puisi:

**Saat kita mula berbicara**
**Syahdu memecah sukma irama**
**Nadi yang berdenyut bagaikan tiada suara**
**Dan tidak mampu untuk mengubah segalanya**

**Pembentukan corak irama**



**Pembentukan melodi**



## PENILAIAN

### Ensembel Nyanyian

1. Huraikan komponen utama yang perlu dikuasai untuk menghasilkan nyanyian yang baik.

### Ensembel Muzik

Mencipta

2. Persembahkan lagu *Fly Me to the Moon* secara ensembel dengan membuat improvisasi pada *strumming pattern*. Anda juga boleh memilih lagu lain untuk latihan penilaian ini.




### Notasi Muzik

3. (a) Namakan kord X dan kord Y di bawah.

Kord X  Kord Y 

(b) Nyatakan perbezaan kord X dan kord Y.

**Nota Guru**

- Rujuk muka surat 128-131 untuk melihat skor penuh.

### Penghasilan Muzik

4. Skor lagu di bawah mempunyai pelbagai elemen dalam penghasilan melodi. Kenal pasti dan tandakan pergerakan melodi seperti menaik, menurun pada skor. Bentangkan hasil dapatan anda.




Tandakan tahap penguasaan anda berdasarkan meter pencapaian.

- Membuat persembahan ensembel nyanyian dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran muzik.
- Memainkan alat muzik secara ensembel dengan mengaplikasikan dinamik yang sesuai berdasarkan skor.
- Mengenal pasti dan membezakan kord Major dan kord minor.
- Mencipta melodi mudah dalam nada major menggunakan meter $\frac{3}{4}$ dan $\frac{4}{4}$ berdasarkan not semibrif, minim, minim bertitik, krocet bertitik, krocet, kuaver bertitik dan semi kuaver serta tanda rehat dan mempersembahkan hasil ciptaan serta mengamalkan nilai murni dalam penghasilan karya.

# Penilaian Akhir



## ENSEMBEL NYANYIAN

1. Berdasarkan lagu-lagu yang telah dipelajari dalam ensembel nyanyian, rancangkan satu persembahan berdurasi 4 – 5 minit untuk dipersembahkan di khalayak ramai. Persembahan anda mestilah bersesuaian dengan tema-tema berikut:
   (a) Kemerdekaan
   (b) Generasi Pewaris Negara
   (c) Perpaduan
   (d) Warna-warni Malaysia

2. Dokumentasikan proses kerja kumpulan anda bermula dari sebelum, semasa dan selepas persembahan. Penilaian semasa persembahan dibuat berdasarkan format borang di bawah.



### Borang Pemarkahan

**Nama Kumpulan :** ______________________________

| Ahli Kumpulan | Pic (15%) | Penghasilan ton (10%) | Teknik yang betul (10%) | Ekspresi (10%) | Etika Persembahan (5%) | Jumlah Markah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |

## ENSEMBEL MUZIK

1. Mainkan skel berikut dengan alat muzik pilihan secara individu.

a D Major — 5 markah



b B♭ Major — 5 markah



c B minor harmonik — 5 markah



d G minor harmonik — 5 markah



2. Berdasarkan lagu yang telah dipelajari, persembahkan lagu instrumental secara ensembel di hadapan kelas berdasarkan lagu yang telah dipelajari. Improvisasikan bahagian *strumming* dan bes. Penilaian diberi berdasarkan format borang di bawah.

**Borang Pemarkahan**

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Skel (20%) | Bermain mengikut skor (40%) | | Teknik (20%) | | Keseimbangan ton (10%) | | Etika Persembahan (10%) | | **Jumlah Markah** (100%) |
| | Gitar 1 | Gitar 2 | Gitar 1 | Gitar 2 | Gitar 1 | Gitar 2 | Gitar 1 | Gitar 2 | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |



## NOTASI MUZIK

**Jawab semua soalan.**

1. (a) Isikan meter bagi corak irama berikut.

i



ii



(b) Isikan garis bar pada keratan melodi di bawah.



(c) Isikan tanda rehat yang sesuai pada tempat yang bertanda *.



(d) Notasikan semula not di bawah mengikut pengumpulan not yang betul.



2. (a) Namakan setiap not bertanda *.





(b) Namakan skel dalam rajah di atas.
(c) Notasikan skel di atas tanpa tanda nada.



(d) Notasikan skel B minor harmonik menurun tanpa tanda nada menggunakan corak irama di bawah.





(e) Notasikan skel C pentatonik menaik dan menurun.



3. Not-not berikut ialah sebahagian daripada kord primer D Major. Lengkapkan kord-kord primer berikut.




4. Berdasarkan Lagu Seri Bentan jawab soalan berikut:




(a) Isikan perkara berikut pada skor lagu di atas
  i. Meter $\frac{4}{4}$.
  ii. Dinamik sederhana kuat pada bar 1.
  iii. Tanda ulangan di bar 4.
  iv. Simbol bahagian tambahan pada permulaan bar 11.

(b) Berikan maksud tempo dan simbol berikut:
  i. *Lento* - ______________________________
  ii. *rit.* - ______________________________
  iii. D.S. - ______________________________

(c) Ciptakan melodi 8 bar berdasarkan perkara berikut:
  i. Nada major berdasarkan tanda nada yang diberi.
  ii. Meter $\frac{3}{4}$.
  iii. Menggunakan not 𝅗𝅥., ♩, ♪, 𝅘𝅥𝅯 dan tanda rehat krocet.
  iv. Tanda dinamik yang sesuai.





5. Jawab soalan di bawah.

   (a) Berdasarkan lagu Bersusah Dahulu Bersenang Kemudian di bawah, berikan pendapat anda tentang aspek nilai not, meter, pic, skel, pergerakan kord dan simbol serta terminologi muzik yang digunakan.

   (b) Berikan dua nilai murni yang terdapat pada lirik lagu Bersusah Dahulu Bersenang Kemudian.

**BERSUSAH DAHULU BERSENANG KEMUDIAN**

Lagu dan Lirik: Yusri Hj. Hussain




## PENGHASILAN MUZIK

1. Ciptakan melodi 8 bar dalam nada Major berdasarkan perkara berikut:

   (a) Meter $\frac{4}{4}$.

   (b) Nilai not 𝅗𝅥., ♩, ♪, 𝅘𝅥𝅯 dan satu tanda rehat yang telah dipelajari.

   (c) Memasukkan dua simbol dan terminologi muzik yang sesuai.

   (d) Menggunakan kaedah imitasi atau variasi di dalam penciptaan.

2. Berikan etika yang perlu diamalkan semasa penghasilan ciptaan muzik.



# GLOSARI

| | |
|---|---|
| Arpeggio | Not-not dalam sesuatu kord dimainkan satu demi satu secara menaik atau menurun. |
| Bar | Ruang yang membahagikan nilai jumlah not mengikut detik berdasarkan meter. |
| Dinamik | Tahap kekuatan dan kelembutan sesuatu bunyi. |
| Fret | Bilah penentu ruang nada pada alat muzik bertali seperti gitar dan mandolin untuk mengawal nada bunyi yang dihasilkan. |
| Garis bar | Garis yang memisahkan antara satu bar dengan bar yang lain. |
| Garis leger | Garis tambahan yang terletak di atas atau di bawah baluk muzik. |
| Genre | Kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk atau kandungan tertentu. |
| Jeda | Jarak antara dua not. |
| Kord primer | Kord-kord asas (I, IV, V) yang digunakan untuk mengiringi lagu. |
| Klef | Tanda kunci pada notasi baluk. |
| *Legato* | Dimainkan secara bersambung dan tidak terputus-putus. |
| Meter | Nilai detik dalam setiap bar. |
| Nada | Sistem notasi atau ton yang dinamakan berdasarkan tanda nada. |
| Pic | Nada bunyi tinggi, rendah dan sederhana. |
| Semiton | Separuh atau setengah ton. |
| Skel | Susunan not menaik atau menurun secara bertangga dalam satu nada. |
| *Slur* | Dimainkan atau dinyanyikan secara legato atau tanpa putus-putus. |
| *Staccato* | Dimainkan secara pendek-pendek atau putus-putus. |
| Staf | Sekumpulan lima garisan untuk menulis not muzik |
| Tanda kromat | Tanda syap, flet dan natural yang tidak terdapat dalam tanda nada sesuatu skel. |
| Tanda nada | Tanda kromat yang ditulis pda awal baluk bagi menunjukkan pic tonik atau nada keseluruhan not dalam lagu. |
| Tanda rehat | Simbol atau tanda tertentu menunjukkan kesenyapan. |
| Tekanan | Not yang bertanda bunyi yang lebih kuat daripada not lain. |
| Tempo | Kelajuan persembahan dalam sesuatu karya yang disertai tempo seperti allegro, presto, moderato dan lain-lain. |
| *Tie* | Garisan melengkung yang menyambungkan kepala dua not yang sama pic dan nama. Gabungan ini dimainkan sebagai satu not. |

# RUJUKAN


Benitez, Kristina. 2005. *The Maguindanaon Kulintang: Musical Innovation, Transformation and the Concept of Binalig*. Ann Harbor, MI: University of Michigan.

David, J. & La Tour, S. 2013. *Vocal Technique: A Guide For Conductors, Teachers, and Singers*. Illinois: Waveland Press Inc.

David, M. 2013. *The New Voice Pedagogy*. Illinois: Waveland Press Inc.

Gaerlan, Barbara. 1991. *Philippine Muslim Kulintang: Music of Modernization*.

Leisner, D. 2018. *Playing with Ease: A Healthy Approach to Guitar Technique*. United Kingdom: Oxford University Press.

Love, R. 1999. *Set Your Voice Free*. United Sates of America: Little, Brown and Company.

Miller, R. 1996. *The Structure of Singing: System and Art in Vocal Technique*. New York: Schirmer Book Publishing.

Philip Dominquez Mercurio. 2005. *Traditional Music of The Southern Philipines*.

Vernnard, W. 1968. *Singing: The Mechanism and the Technic, (5th Ed.)*. New York: Carl Fischer, Inc.

*http://www.newworldencyclopedia.org/entry/Kulintang*

*http://jihanfadhila.blogspot.com/2014/02/sejarah-angklung-bagian-angklung-fungsi.html*

*http://annienugraha.com/angklung-dan-saung-angklung-udjo-kekayaan-seni-musik-di-jawa-barat/*

*https://www.slideshare.net/viadeviananurmansah5/seni-musik-jawa-barat-angklung*




Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** ______________________________

| Tahun | Tingkatan | Nama Penerima | Tarikh Terima |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

Nombor Perolehan: ______________________________

Tarikh Penerimaan: ______________________________

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**

RM23.75

ISBN 978-967-2212-51-5

9 789672 212515

FT174002